

Ibrah Surah-Surah Pilihan dalam al-Quran

Makmor Tumin

If you are able to contribute...

1. Improvements to the materials (including publication possibilities) by contacting me through the following email: makmor.tumin@gmail.com
2. Financially by sharing the cost and effort (any amount is appreciated).
 - a. Here is the PayPal: <https://www.paypal.me/akmalmakmor>
 - b. Here is the bank account number: 7005307962 (Makmor Tumin - CIMB Bank)
3. A minute of your time by sharing the materials if you find them beneficial for others.

Kandungan

a)	al-Quran: Kalam yang Tidak akan Hilang.....	3
b)	Surah al-Kahfi: Qada' dan Qadar, Konsep Musibah dan Rahmah daripada Cerita Musa dan Khidir.....	10
c)	Memotivasi Diri Melalui Surah al-Insyirah.....	18
d)	Al-Ikhlash dan al-Kauthar: Mengapa Kita Suka Membaca Surah yang Terpendek Dalam Solat.....	26
e)	Surah At-Takathur: Kenapa Mesti Dunia yang Kita Sibukkan?	34
f)	Surah Al-Fatihah (Bahagian 1): Menghormati Perbezaan Pandangan	43
g)	Surah Al-Fatihah (Bahagian 2): Individu Berilmu dan Beramal.....	51
h)	Surah Al-Baqarah dan Al-A'raf: Kekuatan Logik Kritikal Boleh Menggelapkan Hati	59
i)	Surah Yasin: Mereka yang Buta Pedoman (Sejarah, Peristiwa Depan Mata dan Wahyu).....	67
j)	Surah An-Nahl: Mengapa Merungut tentang Kasut, Sedangkan Ada Orang Kudung Kakinya	75

a) al-Quran: Kalam yang Tidak akan Hilang

Kita biasa mendengar tilawah al-Quran atau dahulunya disebut *musabaqah* membaca al-Quran yang sering diadakan di negara kita. Seringkali kita mendengar pelbagai cara bacaan (*recitation*) dan menurut catatan, terdapat 10 cara bacaan Quran mengikut ulama' dari kawasan berbeza seperti Basrah, Kuffah, Makkah, Madinah dan lain lain. Kadangkala timbul dalam diri kita perasaan semacam ada perbezaan di dalam Islam sehingga membacanya pun sangat berbeza. Kadang-kadang ada yang tidak dapat menerima kaedah bacaan dari negara lain, misalnya dari negara Afrika seperti Algeria dan Morocco kerana kaedah bacaannya sangat berbeza dan pelik bagi sesetengah kita.

Sebenarnya, pada zaman Nabi, perbezaan dari segi bacaan lebih luas atau banyak bezanya sehinggalah pada satu ketika Saiyyidina Umar masuk ke dalam masjid mendengar Hakim bin Hisham membaca Surah al-Furqan dengan dialek yang sangat janggal baginya. Lalu ditanya siapa yang mengajarnya membaca begitu bagi mendapatkan kepastian. Umar dan Hakim bin Hisham berjumpa dengan Rasulullah. Antara lain ada dicatatkan Nabi menyebut bahawa terdapat 7 cara membaca Qur'an yang disebut sebagai *uhruf* bagi membolehkan Bani atau puak yang berbeza yang mempunyai dialek yang berbeza membaca Quran mengikut lidah masing-masing. Hadis mengenai *uhruf* atau dialek itu adalah seperti berikut:

Dari Abbas r.a, Rasulullah SAW berkata: "Jibril membacakan (al-Quran) kepadaku dengan satu huruf. Kemudian berulang kali aku mendesak dan meminta agar huruf itu ditambah, dan ia pun menambahnya kepadaku sampai dengan tujuh huruf."

(HR Bukhari-Muslim)

Dicatatkan juga bahawa Quran dialek Bani Qindah tidak sama dengan dialek Bani Hawazim dan begitu juga orang-orang Yaman ketika itu. Persoalannya, bagaimanakah perbezaan ini dapat diselesaikan sehinggalah pada hari ini 90% umat Islam secara amnya membaca menggunakan dialek Bani Quraisy daripada lidah Nabi sendiri?

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

al-Quran yang kadangkala dinamai *al-Kitab*, *al-Zikir*, *al-Furqan* dan banyak lagi merupakan cakapan Allah (*kalamullah*) yang bukan makhluk (*uncreated*), walaupun sesetengah mazhab seperti *mu'tazilah* menyebutnya sebagai makhluk. Sebagaimana yang kita ketahui, ianya mengandungi 114 surah, sebanyak 6236 ayat. Jika kita perasan, orang-orang tua kita atau kita sendiri pernah mengambil langkah untuk “memusnahkan” al-Quran yang sudah usang dengan pelbagai cara termasuklah dengan cara membakarnya. Membakar al-Quran dalam dunia Barat difahami sebagai satu perbuatan menghina, tetapi membakar Quran bagi maksud menjaga kehormatannya adalah dituntut di dalam Islam.

Pada zaman Nabi, usaha untuk menulis al-Quran sememangnya telahpun diadakan. Oleh kerana kepingan kertas belum dicipta, ayat al-Quran ditulis di atas keratan pelepah kurma atau potongan kulit binatang, khususnya unta, atau juga di atas tulang-belulang.



al-Quran ini dipercayai merupakan al-Quran yang terawal. Namun, menurut Syekh Yasir Qadhi, al-Quran yang dilengkapkan Zaid bin Thabit pada zaman Abu Bakar tidaklah di 'bind', sebaliknya ia lebih merupakan kumpulan kulit-kulit binatang yang sebesar saiz meja di pejabat. Teknologi kertas hanya sampai ke Timur Tengah apabila ada pertembungan dengan tamadun China mulai awal tahun 100 Hijrah. Wallahua 'lam.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Kita tahu Fatimah, adik Saiyyidina Umar mempunyai bahan bertulis Surah Taha yang kemudiannya diminta oleh Umar dan membawa kepada pengislaman beliau. Kita juga tahu di zaman Madinah lebih daripada 25 orang sahabat bertugas menulis ayat Quran dan Zaid bin Thabit diangkat menjadi setiausaha Nabi dalam kerja penulisan ini. Sejak kecil lagi, sesampai sahaja Nabi ke Madinah, pada kira-kira usia 13 tahun, Zaid telahpun menghafal kurang-kurangnya 17 surah dan beliau mempunyai ketekunan dan kepandaian yang sangat mengagumkan. Dan Quran ini ditulis mengikut dialek yang berbeza. Zaid mencatatkan al-Quran dalam dialek orang-orang Ansar.

Sebenarnya tiadalah perbezaan yang ketara, misalnya, dialek dalam bahasa Inggeris yang dituturkan di Amerika, Kanada, UK, Australia dan sebagainya sememangnya ada sedikit perbezaan. Apabila Baginda wafat pada 11 Hijrah, umat Islam sebenarnya masih tidak mempunyai satu bahan bacaan al-Quran yang lengkap. Saiyyidina Abu Bakar telah diangkat menjadi khalifah, dan berlaku pemberontakan yang dapat ditangani oleh Abu Bakar bagi melawan gerakan *Riddah*. Perang Yamamah bagi menumpaskan Musailamah al-Kazzab telah menyebabkan ramai Qurra' (kira-kira 70 orang) terkorban.

Menurut Syeikh Yasir Qadhi, pada zaman Nabi, memang ramai sahabat yang menghafal ayat-ayat al-Quran tetapi tidaklah semestinya ramai pula yang menghafal satu al-Quran keseluruhannya. Dicatatkan Ubai bin Kaab, Muadh bin Jabbal, Abu Zayid (bukan Arab) dan Zaid bin Thabit diketahui menghafal al-Quran sepenuhnya selain daripada Ibn Mas'ud yang pakar tentang sebab-sebab turunnya ayat-ayat al-Quran. Saiyyidina Umar yang melihat semakin ramai Qurra' syahid mencadangkan Abu Bakar supaya mengambil langkah untuk menghimpunkan ayat Quran menjadi satu kompilasi yang sempurna dan rasmi. Untuk projek ini, Zaid bin Thabit telah diarahkan untuk bertanggungjawab setelah Saiyyidina Umar sendiri menyampaikan di mimbar tentang keperluan perkara ini dan meminta semua umat Islam menyerahkan bahan ayat-ayat al-Quran kepada Khalifah untuk diuruskan oleh Zaid bin Thabit di Masjid Madinah. Individu terakhir yang menyerahkan bahan berkenaan adalah Huzaimah ibn Thabit al-Ansari.

Sebagaimana yang terdapat dalam Surah al-Hijr ayat 9, Allah telah berfirman antara lainnya akan menjaga wahyu ini.

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

“Sesungguhnya Kami-lah yang menurunkan Al Quran, dan sesungguhnya Kami benar-benar memeliharanya”

Kejayaan Abu Bakar merupakan bukti bahawa selain dari Zaman Nabi, Quran terpelihara. Ini termasuk dalam kompilasi potongan-potongan kulit binatang. Apabila Saiyidina Abu Bakar wafat, Quran berkenaan berada di bawah penyeliaan Khalifah Umar dan apabila Khalifah Umar meninggal, untuk sementara waktu ianya diwarisi oleh anaknya, Hafsah. Untuk catatan, tidak ramai orang Muhajirin yang mengenal huruf. Umar dan Hafsah merupakan antara individu yang mengenal huruf.

Semasa zaman pemerintahan Khalifah Uthman 24 Hijrah, ketika tentera Islam berada di Azerbaijan, Khuzaifah al Yamani berdepan dengan keadaan kumpulan golongan muda yang bertengkar dan boleh membawa kepada pergaduhan kerana masing-masing mengatakan bahawa dialek Quran yang dibacanya adalah yang lebih sahih. Dicatatkan sebahagiannya membaca mengikut dialek yang ditulis oleh Zaid bin Thabit dan sebahagiannya pula mengikut dialek Ibnu Mas'ud.

Khuzaifah terus pulang ke Madinah untuk memberitahu Khalifah supaya langkah diambil untuk menyelaraskan bacaan al-Quran lalu jawatankuasa yang besar ditubuhkan yang mana empat orang, iaitu 3 Quraisy dan Zaid bin Thabit (Al-Ansar) telah diminta untuk menyelaraskan al-Quran. Quran yang akan ditulis nanti perlulah mengikut lidah Baginda (Quraisy). Sebarang semakan pula hendaklah dirujuk kepada Zaid bin Thabit serta sahabat-sahabat yang lain. Dari sinilah Mushaf Uthmani atau Quran versi Uthman dibukukan. Pada peringkat itu, ianya masih ditulis di atas potongan kulit-kulit unta dan sebanyak 5 naskhah ditulis dan dihantarkan ke kota-kota besar seperti Damsyik, Kuffah, Basrah, dan lain-lain beserta dengan Qarinya sekali.



Kalam al-Quran tetap tidak akan hilang, kerana ianya dihafal oleh ribuan manusia. Seandainya naskhah al-Quran yang bertulis hilang pada hari ini, umat Islam dapat mengadakan dengan mudah pada esok harinya, tidak seperti kitab-kitab agama lain, Wallahua'lam.

Perlulah difahami bahawa pada tahap itu, tanda-tanda bacaan seperti *fathah*, *kasrah* dan *dommah* atau titik-titik pada huruf masih belum diwujudkan lagi. Murid kepada Saiyidina Ali, Abu Al-Aswad Abu Ali dikatakan antara orang awal mengambil inisiatif ini. Difahamkan pada ketika itu tanda titik belum dibuat lagi. Oleh itu, huruf seperti Ba, Ta dan Sa akan kelihatan sama cuma difahami berdasarkan konteks mesej ayat itu. Begitulah juga keadaannya dengan huruf-huruf yang lain.

Apabila empayar Islam mula berkembang sehinggalah ke negeri China, al-Quran mula ditulis di atas kertas. Mushaf Uthmani dikemaskini pada awal abad pertama Hijrah, ketika pemerintahan Umaiyyah. Ketika al-Walid menjadi Khalifah, beliau telah meminta satu Quran yang indah bertintakan emas ditulis untuk pemerintahannya. Pada zaman Uthman sebelumnya, arahan dikeluarkan supaya memusnahkan atau membakar al-Quran yang tidak diselaraskan dan isu ini dijadikan oleh golongan tertentu untuk mencemuh Saiyidina Uthman. Sebagaimana yang kita sebut pada awal tadi, bagi menjaga kehormatan dan sesucian al-Quran dan mengelakkan

pergaduhan sesama Islam, usaha membakar al-Quran yang tidak diselaraskan adalah sebenarnya langkah menghormati Quran dan menjaga perpaduan.

Pada hari ini, tidak ada lagi isu membaca Quran mengikut dialek yang pernah disebut Nabi sebagaimana dalam kes Umar dan Hakim Ibnu Hisham. Nabi pernah menyebut terdapat 7 huruf (cara baca mengikut dialek) seperti yang disebut tadi. Dengan adanya Mushaf Uthmani, cara membaca mengikut dialek telahpun dihilangkan. Namun, cara bacaan mengikut qiraat sebanyak 10 yang kita ketahui pada hari ini tetap masih ada. Qiraat-qiraat yang ada ini, menurut Syeikh Yasir Qadhi, merupakan menurut Mushaf Uthmani dari lidah Quraisy bercampur dengan 7 huruf atau dialek yang ada sebelumnya. Wallahualam. Namun begitu, kita perlulah yakin dari segi kandungannya, ianya telah dijanjikan oleh Allah tidak ada satu pun yang berubah. Sebagai contoh, dalam Surah al-Kahfi ayat 27, perkara ini ditegaskan seperti berikut:

وَأْتِلْ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنْ كِتَابِ رَبِّكَ ^طلَا مُبَدِّلَ لِكَلِمَاتِهِ وَلَنْ تَجِدَ مِنْ دُونِهِ مُتَّحِدًا

“Dan bacakanlah apa yang diwahyukan kepadamu, yaitu kitab Tuhanmu (Al Quran). Tidak ada (seorangpun) yang dapat merubah kalimat-kalimat-Nya. Dan kamu tidak akan dapat menemukan tempat berlindung selain dari pada-Nya.”

Kita mungkin pernah mendengar qiraat An-Nafik (Madinah) yang juga dikembangkan di peringkat Utara. Kita juga mungkin pernah dengan qiraat Ibnu Kathir al Makki (Bukan Ibn Kathir penafsir Quran) yang berkembang di Makkah. Rata-rata kita menggunakan qiraat oleh Imam ‘Asim daripada Kuffah yang meninggal dunia pada tahun 127 Hijrah. Sekiranya kita mendengar cara bacaan yang berbeza semasa tilawah al-Quran yang dianjurkan di negara kita, maka InsyaaAllah kita sedikit sebanyak tahu bagaimana qiraat-qiraat berkenaan boleh terbentuk dan ini sekaligus menambahkan keyakinan kepada kita bahawa wahyu Allah tetap terjaga sebagaimana yang terdapat dalam Surah al-Hijr, ayat 9 dan al-Kahfi sebentar tadi.

Oleh kerana ada qiraat yang berbeza, kita akan dapati sesetengah Qur’an tidak standard mempunyai 6236 ayat. Misalnya, Surah Al-Baqarah menurut sesetengah qiraat mempunyai 286 ayat, manakala sesetengah qiraat mempunyai 285 ayat. Tidak ada isu ayat yang hilang, cuma

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

mengikut sesetengah qiraat, dua ayat digabungkan menjadi satu. Maka tidak hairanlah sekiranya kita mendengar ulama menyebut jumlah ayat Quran yang berbeza-beza. Kita perlulah yakin bahawa al-Quran itu merupakan kalam Allah dan ia tidak akan berubah atau hilang.

Usaha untuk mempertahankan aqidah umat Islam tentang betapa bukan makhluknya ayat-ayat Allah ini pernah dilakukan oleh Imam Ahmad Ibn Hanbal. Pada tahun 213 Hijrah misalnya, Khalifah al-Makmum mengeluarkan perintah supaya kalam Quran ini difahami sebagai makhluk yang membawa implikasi boleh diubah sekiranya tidak bertepatan dengan pemahaman ataupun keperluan semasa. Ini merupakan sesetengah masalah daripada pengaruh Greek, khususnya menerusi Aristotle pada zaman itu. Umat Islam berbeza dengan penganut agama lain, kerana ayat-ayat dalam kitab mereka tidak dihafal keseluruhannya. Jika ditanya kepada sebarang umat Islam pada hari ini, InsyaaAllah kita boleh berkeyakinan mengatakan bahawa lebih 5% dikalangan mereka akan mengetahui atau mengenal individu yang menghafal al-Quran keseluruhannya. Maka, tidak mungkin kalam al-Quran itu akan hilang, meskipun seandainya naskhah berkenaan terbakar keseluruhannya.

Mudah-mudahan melalui perkongsian ini, kita dapat memperkukuhkan pemahaman tentang *authenticity* al-Quran dan kerap bertilawah dengannya bagi meningkatkan iman kita, Aamiin.

b) Surah al-Kahfi: Qada' dan Qadar, Konsep Musibah dan Rahmah daripada Cerita Musa dan Khidir

Bersyukur kepada Allah kerana memberikan kelapangan dari segi masa dan kekuatan dari segi kesihatan dan pada perkongsian kali ini, kita akan membincangkan sebahagian kecil daripada Surah al-Kahfi iaitu ayat 66-82. Ayat-ayat ini mengisahkan tentang pertemuan Nabi Musa dan Khidir AS, dan pada bahagian akhir cerita pertemuan ini, dihuraikan rahsia di sebalik pertemuan kedua-dua mereka. Kita akan terlebih dahulu melihat bahagian akhir kisah pertemuan berkenaan dan secara spesifiknya, ayat daripada Surah al-Kahfi itu adalah seperti berikut:

أَمَّا السَّفِينَةُ فَكَانَتْ لِمَسَاكِينَ يَعْمَلُونَ فِي الْبَحْرِ فَأَرَدْتُ أَنْ أَعِيبَهَا وَكَانَ وَرَاءَهُمْ مَلِكٌ
يَأْخُذُ كُلَّ سَفِينَةٍ غَصْبًا

“Adapun bahtera itu adalah kepunyaan orang-orang miskin yang bekerja di laut, dan aku bertujuan merusakkan bahtera itu, karena di hadapan mereka ada seorang raja yang merampas tiap-tiap bahtera.” (79)

وَأَمَّا الْغُلَامُ فَكَانَ أَبَوَاهُ مُؤْمِنَيْنِ فَخَشِينَا أَنْ يُرْهِقَهُمَا طُغْيَانًا وَكُفْرًا

“Dan adapun anak muda itu, maka keduanya adalah orang-orang mukmin, dan kami khawatir bahwa dia akan mendorong kedua orang tuanya itu kepada kesesatan dan kekafiran.” (80)

فَأَرَدْنَا أَنْ يُبَدِّلَهُمَا رَبُّهُمَا خَيْرًا مِنْهُ زَكَاءً وَأَقْرَبَ رُحْمًا

“Dan kami menghendaki, supaya Tuhan mereka mengganti bagi mereka dengan anak lain yang lebih baik kesuciannya dari anaknya itu dan lebih dalam kasih sayangnya (kepada ibu bapaknya).” (81)

وَأَمَّا الْجِدَارُ فَكَانَ لِغُلَامَيْنِ يَتِيمَيْنِ فِي الْمَدِينَةِ وَكَانَ تَحْتَهُ كَنْزٌ لَهُمَا وَكَانَ أَبُوهُمَا صَالِحًا
فَأَرَادَ رَبُّكَ أَنْ يَبْلُغَا أَشُدَّهُمَا وَيَسْتَخْرِجَا كَنْزَهُمَا رَحْمَةً مِنْ رَبِّكَ ۗ ...

“Adapun dinding rumah adalah kepunyaan dua orang anak yatim di kota itu, dan di bawahnya ada harta benda simpanan bagi mereka berdua, sedang ayahnya adalah seorang yang saleh, maka Tuhanmu menghendaki agar supaya mereka sampai kepada kedewasaannya dan mengeluarkan simpanannya itu, sebagai rahmat dari Tuhanmu;...” Sebahagian daripada (82)

Sesetengah kita diturunkan musibah dengan pelbagai cara dan keadaan. Ada pasangan yang berumah tangga dan kematian suami pada usia muda, meninggalkan anak, dua orang misalnya. Ada pula dikenakan musibah kematian anak yang disayangi, mungkin disebabkan masalah kesihatan. Ada juga yang tragis, mati dibunuh orang. Ada yang ditimpa malapetaka sehingga musnah harta bendanya disebabkan kebakaran atau banjir dan ada juga yang ditimpa malapetaka di lautan sehingga menyebabkan kapalnya menjadi karam dan mungkin juga tenggelam.

Pada perkongsian kali ini, kita hendak memperkatakan tentang Qada' dan Qadar kerana musibah-musibah yang disebut di atas tadi telahpun diketahui oleh Allah SWT dan ianya telahpun tertulis. Sesetengah orang dapat bersabar dengan musibah berkenaan sehinggakan dapat merasakan ianya sesuatu rahmah daripada Allah. Sesetengahnya pula menjadi hilang sabar dan marah dan terus-terusan hidup dalam keadaan tertekan.

Allah SWT dalam Surah al-Kahfi ayat 66 hingga 82 ada menceritakan kisah pertemuan Nabi Musa dan Khidir, sebagaimana yang telah kita sentuh pada awal tadi. Kita akan memperincikan ayat-ayat Allah ini apabila kita menghalusi Surah al-Kahfi keseluruhannya, InsyaaAllah. Namun, untuk perkongsian ini, memadailah kita cuba mengetengahkan bagaimana konsep musibah itu adalah sebahagian daripada Qada' dan Qadar dan ia mengandungi rahmah.

Sebagaimana yang ramai ketahui, Nabi Musa ketika dalam satu khutbahnya telah diajukan satu soalan yang sinis oleh orang-orang daripada Bani Israel tentang adakah beliau manusia yang paling bijak di dunia ini. Mengetahui dirinya adalah Nabi dan pernah pula ‘berdialog’ dengan Allah di

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Bukit Thur, di negeri Mesir, maka Baginda membuat andaian bahawa dirinyalah yang paling bijak itu.



Di Bukit inilah Nabi Musa menerima wahyu. Namun, sungguhpun mengakui bahawa dirinya diberikan keistimewaan ilmu, Baginda tetap merendah diri dan taat apabila diberitahu ada hamba Allah yang lain yang diberikan ilmu yang lain, iaitu Khidir.

Lalu, melalui Jibril, diberitahu bahawa ada manusia lain yang mempunyai ilmu yang tidak dimiliki oleh Nabi Musa itu, iaitu Khidir. Lantas, Baginda dengan rendah dirinya memohon untuk belajar dengan Khidir berkenaan. Di dalam Quran tidaklah disebut tentang nama Khidir ini melainkan dalam hadis-hadis Nabi. Khidir dalam Bahasa Arab membawa maksud ‘hijau’ atau ‘kehijauan’, yang mana Allah memberi kelebihan kepadanya, yang mana tempat-tempat yang didatangi oleh Khidir akan menjadi subur kehijauan.

Sesetengah kita mungkin ketahui bahawa bersama-sama dengan pembantunya, iaitu Nabi Yusha’, mereka berjalan jauh untuk mencari Nabi Khidir itu, ke satu lokasi yang disebut sebagai Majma al-Bahrain. Akhirnya, setelah sesat seketika, mereka berjumpa dengan Nabi Khidir di satu kawasan yang sebelumnya telah berlaku satu keajaiban, iaitu ikan bekalan makanan mereka hidup dan melompat ke laut. Kisah ini difahamkan tidak terdapat dalam kitab Taurat, kitab yang banyak memuatkan tentang hukum hakam melalui syariat Nabi Musa. Sesetengah pengkaji Barat

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

memperlekehkan kisah Nabi Musa dan Khidir ini kerana cerita ikan melompat ke laut berkenaan dikatakan ada dalam cerita dongengan sastra tamadun lama. Wallahua'lam.

Sebagai umat Islam, kita wajib yakin wahyu itu datang daripada Allah dan segala yang berlaku atas kehendak Allah dan jika Allah hendak membuat satu peristiwa yang sama berlaku di dua tempat yang berlainan, itu bukanlah sesuatu yang pelik. Namun begitu, bukanlah isu ini yang hendak kita bincangkan tetapi tentang kesukaran Nabi Musa untuk bersabar ketika menuntut ilmu dengan Nabi Khidir itu. Ini adalah kerana Nabi Khidir sejak awal lagi telah memberitahu bahawa Nabi Musa tidak akan dapat bersabar kerana cubaannya sangat besar. Nabi Musa juga diberitahu agar tidak campur tangan atau berkata apa-apa dengan apa yang akan dibuat melainkan diberitahu sendiri oleh Nabi Khidir.

Perkara pertama yang dilakukan beliau ialah meminta seorang nelayan untuk membawa mereka menaiki kapal ke seberang tanpa bayaran. Nelayan yang baik hati berkenaan membenarkan mereka. Namun, kapal berkenaan telah dilubangi oleh Nabi Khidir dengan kapak lalu ditinggalkan kapal berkenaan setelah kapal itu berjaya dibawa ke tebing semula. Nabi Musa terus menegur Khidir kerana perbuatannya itu.



Amat pelik Nabi Khidir AS bagi Nabi Musa AS, kerana membocorkan perahu, membunuh kanak-kanak, dan membetulkan dinding orang kampung yang bakhil. Tetapi, Allah SWT telah memberikan ilmu kepada Nabi Khidir, bahawa ada raja zalim yang hendak mengambil perahu itu, anak yang dibunuh itu akan digantikan dengan anak yang soleh, dan di bawah dinding itu

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

ada harta ibu tunggal yang mempunyai dua orang anak yang hanya dapat memanfaatkan mereka apabila anak-anaknya besar nanti.

Namun, kerana beliau ingin menuntut ilmu, beliau mengakui kelemahannya kerana tidak bersabar lalu meminta satu peluang lagi. Naik sahaja di darat, Khidir menangkap seorang budak lalu membunuhnya dan kali ini Nabi Musa telah hilang sabarnya malah menjadi marah pula. Nabi Khidir sekali lagi mengulangi dengan mengatakan bahawa Nabi Musa semestinya tidak akan mampu bersabar. Nabi Musa kali ini dengan sendirinya mengatakan bahawa sekiranya beliau tidak dapat bersabar sekali lagi, beliau tidak akan mengikuti Khidir lagi.

Lalu keduanya pun berjalan hingga sampai ke sebuah perkampungan dalam keadaan keletihan dan kelaparan lalu meminta sedikit makanan daripada penduduk kampung berkenaan. Secara tradisinya, masyarakat mana-mana tamadunn pun akan sedia memberikan sedikit makanan kepada orang yang musafir. Namun, penduduk kampung berkenaan terkenal dengan ‘tangkai jering’. Ketika keluar daripada perkampungan berkenaan, Khidir membantu untuk menegakkan sebuah dinding yang hampir roboh. Apabila selesai, Nabi Musa menyebut, “Patutnya engkau boleh meminta balasan, sama ada makanan atau wang ringgit atas pertolongan engkau itu”.

Bagaimana ketiga-tiga peristiwa ini mempunyai kaitannya dengan Qada’ dan Qadar? Musibah menimpa nelayan kerana kapalnya telah bocor. Musibah menimpa ibu bapa kerana anak yang disayangi mereka telahpun terbunuh dan berkaitan dengan dinding rumah yang dibina tadi, sebenarnya terdapat harta di bawah dinding berkenaan yang disimpan oleh seorang lelaki sebelum meninggal dunia, untuk keluarganya. Apabila lelaki itu meninggal dunia, maka musibah menimpa kepada isterinya yang ditinggalkan dengan dua orang anak dalam keadaan kemiskinan, yang masih tidak dapat memperbaiki kehidupan meskipun telah banyak berdoa kepada Tuhan.

Kita tentulah yakin bahawa semua perkara berkenaan berada dalam pengetahuan Tuhan dan ianya telahpun tertulis dan ianya juga Qada’ dan Qadar Allah SWT. Kita mungkin merasa ianya musibah atau malapetaka jika kita melihat kepada peristiwa itu sahaja kerana kita tidak tahu apa yang berlaku pada masa hadapan. Allah itu Maha Pengasih dan Penyayang. HambaNya yang soleh dan solehah tentulah lebih disayangi oleh Allah SWT. Apa yang kita sangkakan musibah atau mereka

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

sangkakan musibah, iaitu para nelayan, ibu bapa yang kematian anak dan ibu tunggal yang miskin dengan dua orang anak tadi sebenarnya ingin diberitahu oleh Allah SWT melalui Khidir, adalah sebagai satu rahmah.

Mengenai kapal yang dibocorkan oleh Khidir, sebenarnya raja negeri itu yang sangat zalim, mahu merampas semua kapal rakyatnya untuk tujuan tertentu. Semua kapal-kapal telah dirampas melainkan kapal nelayan yang dibocorkan oleh Khidir tadi kerana kapal itu tidak berguna kepada raja. Kita telah difahamkan bahawa nelayan berkenaan sangat baik dan murah hati dan Allah telah menyelamatkan kapalnya dan merahmatinya, yang mana pada awal tadi kita sangkakan sebagai malapetaka. Allah telah mengambil nyawa kanak-kanak kecil berkenaan melalui Khidir kerana anak berkenaan diketahui Allah akan bersifat zalim kepada kedua ibu bapanya, yang menjadi sesat dan akan menyesatkan kedua ibu bapanya dan Allah berjanji, sebagaimana dalam Surah al-Kahfi itu akan menggantikan dengan anak yang baik kepada kedua orang tuanya. Sebagaimana yang kita ketahui, kedua ibu bapa berkenaan adalah mereka yang soleh dan solehah dan Allah telah menggantikan mereka dengan anak yang baik, menyumbang serta menghormati kedua orang tuanya. Malapetaka yang kita sangkakan tadi, iaitu anak yang dibunuh, sebenarnya telah mendatangkan kebaikan kerana pasangan berkenaan bukan sahaja ada kenangan manis memiliki seorang anak meskipun telah terbunuh tetapi tidak ada pengalaman ngeri mendapat anak yang derhaka lagi menyesatkan. Malah, Allah menggantikan pula dengan anak yang baik, yang menambahkan lagi keberkatan dan rahmah keluarga berkenaan.

Itulah yang dikatakan dengan Qada' dan Qadar. Kita sebenarnya tidak tahu apa yang akan berlaku dan yakinlah Allah itu Maha Penyayang lagi Maha Pengasih. Ibu tunggal yang ditinggalkan oleh suami yang soleh dengan dua orang anak kerana kematian merasakan dirinya sangat tertekan dan sentiasa mahukan Allah memberikan rezeki yang banyak kepadanya untuk menampung anak-anaknya. Sekiranya kita dalam keadaan kemiskinan seperti ini, mungkin kita merasakan ianya satu musibah, namun, Allah melalui Nabi Khidir mengetahui bahawa sekiranya harta yang disimpan oleh suaminya itu ditemui oleh orang kampung berkenaan, yang terkenal dengan kedekutnya, sudah tentulah mereka tidak akan memberikan harta itu kepada ibu tunggal dan anak-anaknya. Orang kampung yang kedekut dan tidak mahu memberi sedikitpun minuman dan makanan kepada Nabi Musa dan Nabi Khidir yang keletihan dan kelaparan itu diketahui tidak akan memberikan

harta kepada ibu tunggal itu. Oleh itu, Nabi Khidir dengan ilmunya yang tahu apa akan berlaku di masa hadapan membetulkan dinding berkenaan supaya harta berkenaan terus tersimpan dan beliau juga tahu ketika dua orang anak ibu tunggal berkenaan besar nanti, mereka sendiri akan dapat menemui harta berkenaan lalu dapat menjaga dan membelanjakannya secara yang sebaiknya.

Daripada kisah di atas, kita mungkin boleh mengambil beberapa pengajaran penting iaitu, kita hendaklah sentiasa yakin dan tidak mempunyai sangkaan buruk kepada Allah SWT terhadap apa yang berlaku kepada diri kita. Seseengah kita ditimpa dengan penyakit yang kronik, mendapat kecacatan, menjadi mufflis, kematian orang yang disayangi atau lebih besar lagi, memiliki negara yang menjadi huru hara, berlaku gempa bumi di sana sini dan sebagainya. Cerita dari Surah al-Kahfi ini sewajarnya dapat menambahkan keyakinan kita kepada betapa maha penyayangNya Allah itu dan meyakini tentang Qada' dan Qadar Allah. Sekiranya kita dapat yakin dengan kesemuanya ini, kita akan dapat rasai apa yang kita katakan musibah itu tadi sebenarnya rahmah untuk kita.

Ketiga-tiga cerita di atas adalah kisah orang baik dan soleh, iaitu nelayan yang bermurah hati, dua ibu bapa yang soleh dan lelaki soleh yang meninggal dunia. Jika kita ingin mendapatkan rahmah daripada Allah SWT, maka sewajarnya kita berusaha menjadi hambaNya yang soleh. Sebagaimana yang kita sebut tadi, Allah tentulah lebih menyayangi hambaNya yang soleh daripada yang tidak soleh walaupun kedua-duanya diuji. Kita tentunya yakin bahawa di akhirat nanti, orang yang soleh itu akan diberikan kedudukan yang tinggi.

Sekiranya kita diberi ilmu oleh Allah, ilmu yang tinggi itu sepatutnya menyebabkan kita semakin tunduk dan merendah diri. Nabi Musa yang diberikan ilmu yang tinggi itupun tidak diberikan ilmu tentang masa depan, sebagaimana Khidir sedangkan Nabi Musa mempunyai kedudukan yang tinggi sehingga boleh menerima terus wahyu daripada Allah. Malahan, betapa cetek atau sedikitnya ilmu manusia ini sehinggakan jika kedua-dua ilmu Musa dan Khidir digabungkan, tidakpun sampai menyamai titisan air yang ada pada binatang seperti burung atau papatung yang mencecahkan punggungnya ke air lalu terbang. Dalam Surah al-Kahfi ada disebut bahawa sekiranya hendak ditulis ilmu Allah itu, yang mana lautan ini menjadi tintanya, maka tidak akan dapat ditulis walaupun ditambah dengan lautan lain.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Surah al-Kahfi amatlah penting untuk dibaca, lebih-lebih lagi dihafal, khasnya ayat 1-10 kerana ia bukan sahaja menjadi amalan Nabi malah diberikan janji akan dapat terselamat daripada fitnah akhir zaman. InsyaaAllah, kita memohon kepada Allah untuk diberi kekuatan kerana dalam Surah al-Kahfi itu bukan sahaja ada pedoman tentang hikmah ilmu Nabi Musa dan Nabi Khidir tetapi juga ada tentang hikmah akidah melalui cerita Ashabul Kahfi, hikmah materialisme, melalui cerita individu kaya memiliki dua kebun dan hikmah tentang kekuasaan pemerintahan melalui kisah Zulkarnain.

Hingga setakat ini sahajalah perkongsian kita kali ini. Mudah-mudahan Allah memberkati usaha kita dan kita berdoa supaya Allah membangkitkan kita sesudah mati nanti dengan keadaan yang baik, diterima amalan dari tangan kanan dan terus masuk ke dalam syurgaNya.

Aamiin.

c) Memotivasi Diri Melalui Surah al-Insyirah

Pada perkongsian kita kali ini, InsyaaAllah kita akan berbincang tentang bagaimana untuk menangani masalah kita ketika berada dalam keadaan ‘down’ – lemah, tidak bermotivasi, tiada ‘mood’ dan lain-lainnya. Memanglah terdapat banyak kaedah menangani atau memotivasi diri berdasarkan perbincangan yang dikemukakan oleh pakar motivasi dari Barat seperti “*The 7 Habits of Highly Effective People*” oleh Stephen Covey atau daripada orang Asia seperti Billi Lim dengan bukunya, “*Dare to Fail*” yang menggunakan pendekatan Barat. Namun begitu, dalam perkongsian ini, kita cuba melihat bagaimana Nabi Muhammad SAW yang diajar oleh Allah SWT bagi memotivasi dirinya ketika dalam keadaan ‘feeling down’ (lemah semangat) seumpama itu.

Kita mungkin hilang motivasi atau semangat hinggakan kadangkala menjadi merajuk dan lebih buruk, menjadi marah, mungkin disebabkan usaha kita tidak dihargai. Di pejabat misalnya, mungkin ada kakitangan yang menjadi murung dan tidak bermotivasi kerana usaha dan sumbangannya tidak dilihat walaupun dengan sebelah mata oleh pegawai atasannya ataupun rakan sejawatnya. Di rumah, mungkin ada para isteri menjadi tertekan dan tidak bermotivasi kerana semua usaha yang dibuatnya bagi memenangi hati suaminya tidak dipandang dengan sewajarnya oleh suaminya dan begitulah juga sebaliknya para suami. Anak-anak mungkin hilang motivasi kerana kerja atau sumbangannya diperlekehkan oleh kedua orang tuanya.

Rasulullah SAW pada zaman awal dakwahnya, sebagaimana yang kita ketahui, sering mendapat ejekan dan tekanan. Yang lebih buruk lagi, ianya datang daripada ahli keluarga sendiri. Kita tahu misalnya, Abu Lahab, salah seorang bapa saudara Nabi, tidak pernah mahu mengiktiraf usaha-usaha dakwahnya. Kita tahu, orang kenamaan pada ketika itu seperti Walid ibn al-Mughirah, sebagaimana dalam Surah al-Mudassir pernah malah kerap menghina Baginda sehingga ada yang mengatakan Baginda ahli sihir dan ahli puisi. Dalam satu catatan pernah disebut, Walid ibn al-Mughirah pernah menyebut bahawa kalau memang betul wahyu hendak diturunkan kepada manusia, bukan orang seperti Muhammad yang tidak tahu apa-apa itu sepatutnya menerimanya tetapi sebaliknya orang seperti aku dari Bani Quraish atau setidaknya Mas’ud Ibn Ammar dari Bani Thaqif.



Puisi sebagai mesej pendidikan dan propaganda telah digunakan sejak zaman Greek melalui Homer. Orang arab termasuk Walid al-Mughirah di dunia barat pula terkenal dengan Shakespeare. Surah al-Insyirah adalah satu surah yang mempunyai rhyme ala puisi, namun yang lebih penting, kandungannya sarat dengan unsur-unsur motivasi, yang mana manusia itu tidak akan “feel down”, sekiranya hanyalah Allah SWT tempat ia bergantung.

Keadaan ini menyebabkan Nabi tertekan, hampir hilang semangatnya untuk berdakwah. Sebagaimana yang kita ketahui, selepas diturunkan beberapa surah, terutamanya Surah al-Insyirah dan Ad-Dhuha, Nabi telah dapat menghilangkan perasaan ‘*feeling down*’nya dan terus menjadi Rasul yang sangat *dedicated* dan *motivated* sehinggalah kewafatannya pada 11 Hijrah.

Apakah pengajaran yang kita boleh ambil daripada Surah al-Insyirah untuk memotivasi diri kita kerana salah satu sebab turunnya surah berkenaan adalah bertujuan untuk memotivasi Nabi yang pada ketika itu dalam keadaan sedikit ‘*feeling down*’?

Untuk catatan, Surah al-Insyirah ini adalah surah yang kelapan atau kesembilan diwahyukan kepada Baginda dan tentulah ianya dalam kategori Surah Makkiah. Surah ini mengandungi empat bahagian, iaitu: keistimewaan kepada Nabi dan orang Islam; gandingan antara keburukan dan kebaikan; usaha yang berterusan; dan penyerahan kepada Allah sebagai matlamat kehidupan.

Jika kita tanya kepada diri kita apakah matlamat kita hidup di atas muka bumi ini, mungkin kita masih tidak jelas apakah sebenarnya matlamat itu. Ahli falsafah sejak zaman pra-Greek hingga sekarang masih buntu dan terus mencuba membahaskan apakah sebenarnya matlamat kehidupan itu. Rata-ratanya mengatakan bahawa kebahagiaan adalah matlamat kehidupan. Malangnya, apakah yang boleh menyebabkan manusia itu bahagia? Ada yang mengatakan wang ringgit atau kekayaan. Namun, ramai orang yang kaya masih tidak bahagia. Ada yang mengatakan ilmu. Namun, ada juga mereka yang berilmu tidak bahagia.

Sebagai seorang Islam, kita harus bersyukur kerana dipilih oleh Allah SWT untuk menjadi Muslim kerana Islam telah dengan jelas memberitahu kepada kita bahawa kehidupan ini adalah sementara. Kebahagiaan di dunia ini (wang ringgit, etc) adalah kebahagiaan sementara. Matlamat kehidupan adalah untuk mencapai kebahagiaan di akhirat, iaitu kebahagiaan yang *eternal* (berterusan) dalam mendapat keredhaan Allah.

Surah al-Insyirah yang mempunyai lapan ayat itu dapat diterjemahkan bahagian awalnya seperti berikut:

أَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ

1. “*Bukankah Kami telah melapangkan untukmu dadamu?*”

Syeikh Yasir Qadhi berdasarkan analisisnya terhadap tafsir-tafsir Quran sebelumnya menghuraikan ayat ini sebagai Allah telah melapangkan dada Nabi Muhammad dengan petunjuk Islam yang jelas tentang matlamat sebenar kehidupan adalah di akhirat, yang tidak dimiliki oleh orang-orang Musyrikin Quraisy pada ketika itu. Allah bukan sahaja mengemukakan soalan-soalan yang retorikal atau berbentuk provokatif dengan memulakan perkataan “Bukankah” pada isu melapangkan dada ini tetapi juga kepada beberapa perkara lain, misalnya pada ayat 2, 3 dan 4 berikut:

وَوَضَعْنَا عَنْكَ وِزْرَكَ

2. “*Dan Kami telah menghilangkan daripadamu bebanmu*”

الَّذِي أَنْقَضَ ظَهْرَكَ

3. “Yang memberatkan punggungmu”

وَرَفَعْنَا لَكَ ذِكْرَكَ

4. “Dan Kami tinggikan bagimu sebutan (nama)mu”

Kesemua ayat 1-4 di atas mempunyai nilai kesusasteraan yang tinggi. Oleh itu, ianya tidaklah boleh difahami secara verbatim (perkataan demi perkataan). Syeikh Yasir Qadhi menghurai lagi bahawa ayat-ayat di atas memberitahu bahawa “Bukankah Allah telah melepaskanmu daripada dosa dan meringankan bebanan hidup (dalam kegelapan tanpa cahaya agama)?”, (tambahan daripada apa yang disebut Syeikh Yasir Qadhi) pada ayat 2 dan 3. Pada ayat keempat pula, Ibnu Abbas antara lain ada memberitahu bahawa “Status Nabi Muhammad itu bukannya telah diangkat oleh Allah sehingga kita dapati dalam banyak kalimah, nama Allah dan Nabi Muhammad sering digandingkan.”

Maksud keseluruhan ayat 1-4 dalam konteks memotivasi diri kita adalah walau apapun yang berlaku kepada diri kita, kita harus bersyukur kerana setidak-tidaknya Allah telah memberikan nikmat Islam kepada kita. Kita diberi peluang untuk mendapat pengampunan. Kita dihilangkan daripada kegelapan, kesesatan dan kita menjadi umat Nabi Muhammad, umat yang mempunyai status yang tinggi di sisi Allah SWT.

Ibnu Abbas, iaitu pentafsir al-Quran yang diiktiraf oleh Nabi sendiri yang kemudiannya menjadi rujukan di kalangan umat Islam, termasuk di kalangan Khulafa’ Ar-Rasyidin sendiri dalam memahami ayat-ayat Quran, terus menghuraikan maksud ayat ke-5 dan ke-6 Surah al-Insyirah ini dan bagaimana sewajarnya kita patutnya dapat memotivasi diri daripada ayat-ayat ini. Ayat ke-5 dan ke-6 adalah seperti berikut:

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا

5. Kerana sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan

إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا

6. *Sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan.*

Lihat, Allah ada menyebut dua kali bagi menegaskan bahawa pada setiap kesulitan yang kita tanggungi, Allah sertakan dengan kemudahan. Ibnu Abbas malah menyebut bahawa pada setiap satu keburukan yang kita dapati, Allah sekurang-kurangnya memberi dua kebaikan atau lebih. Kata Syeikh Yasir Qadhi, jika kita kaji dari segi nahunyahpun, perkataan al-usra disebut secara spesifik tetapi perkataan yusra, yakni kebaikan, disebut secara umum atau banyak. Kita mungkin berasa sedih sebagaimana juga Nabi berasa tertekan kerana tidak mendapat pengiktirafan pegawai atasan, suami atau ibu bapa kita, sebagaimana Nabi tidak mendapat pengiktirafan orang-orang Quraisy tetapi kita harus yakin bahawa setiap sesuatu benda yang melemahkan motivasi kita itu, sebenarnya Allah sekurang-kurangnya telah mengurniakan dua perkara yang boleh memotivasi diri kita. Persoalannya, kita tidak nampak apakah dua perkara atau lebih yang boleh memotivasi diri kita itu, kenapa agaknya begitu?

Mungkin motivasi kita juga menjadi lemah bukan disebabkan oleh perihal pengiktirafan seperti yang disebutkan itu tetapi lemah mungkin disebabkan gagal dalam perniagaan, gagal dalam peperiksaan, gagal dalam kenaikan pangkat, termasuk juga mungkin gagal dalam percintaan, dalam matlamat pernikahan. Mungkin dengan memahami ayat ke-7 dan ke-8 ia akan dapat membantu kita melihat apakah kebaikan-kebaikan yang banyak, yang datang bersama dengan kegagalan-kegagalan itu.

Ayat ke-7 adalah seperti berikut:

فَإِذَا فَرَغْتَ فَانصَبْ

7. *Maka apabila kamu telah selesai (dari sesuatu urusan), kerjakanlah dengan sungguh-sungguh (urusan) yang lain)*

Ayat tujuh ini menerangkan *attitude* supaya sentiasa bersungguh-sungguh dan juga mempunyai strategi dalam memastikan matlamat yang hendak dikejar tercapai. Salah seorang ulamak

terkemuka abad ke-20, iaitu Muhammad al-Tahir ibn Ashur menghuraikan dengan terperinci secara khusus ayat tujuh ini. Beliau berasal dari Sepanyol, Andalusia, kemudiannya memegang jawatan tertinggi agama di Tunisia pada awal tahun 1930-an dan telah menerbitkan dua karya penting, iaitu “Tafsir At-Tahwir Wa At-Tanwir” yang berkaitan dengan tafsiran Quran dan yang berkaitan dengan maqasid siyasah syariah.

Antara tafsiran ayat ke-7 ini yang sewajarnya dapat memotivasi kita adalah, pertamanya, setelah selesai kita melakukan sesuatu usaha, misalnya dalam bidang perniagaan, kita jangan terus berhenti tetapi terus membuat pekerjaan yang lain bagi memastikan produktiviti sentiasa tinggi. Ertinya, masalah kegagalan kita disebabkan oleh sikap tidak bersungguh-sungguh kita. Ayat tujuh ini juga membawa maksud tentang perlunya ada Plan A dan Plan B dalam memastikan matlamat tercapai. Ini membawa pengertian, bagi membolehkan kita mendapat pengiktirafan mana-mana pihak atau memastikan kita tidak gagal, persoalan *attitude* dan strategi seharusnya ada dalam perkiraan kita.

Perkara inilah yang antara lain diajarkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad SAW dalam memotivasi diri Baginda dan sewajarnya kita pelajarinya. Namun begitu, tafsiran yang paling penting pada ayat ke-7 adalah mengenai setelah kita berusaha untuk tujuan dunia, sama ada untuk mendapat pengiktirafan atau memastikan tiadanya kegagalan, kita harus terus berusaha untuk merapatkan hubungan kita dengan Allah, berdoa dan bersembahyang serta bermunajad. Sekiranya ini dapat kita lakukan, masalah ‘*feeling down*’, InsyaaAllah tidak akan timbul kerana masalah pada diri sesiapa pun akan tetap wujud tetapi dengan berusaha untuk tujuan dunia dan terus berusaha untuk mendapat pertolongan Allah dapat mengelak diri kita daripada lemah semangat.

Ayat ke-8 adalah ayat yang paling penting dalam mengubat masalah ‘*feeling down*’ kita. Ayatnya adalah seperti berikut:

وَإِلَىٰ رَبِّكَ فَارْغَبْ

8. Dan hanya kepada Tuhanmulah hendaknya kamu berharap.

Sebenarnya, masalah *'feeling down'* atau lemah semangat kita sebahagian besarnya disebabkan oleh pengharapan kita untuk mendapat pengiktirafan manusia, iaitu seperti pegawai atasan, suami atau ibu bapa.



Semua manusia akan melalui zaman turun dan naiknya. Yakinlah bahawa setiap satu zaman turun kita, Allah SWT menjanjikan potensi naik yang berganda sekiranya kita menggantungkan harapan kepadaNya. Allah SWT juga mengajar kita supaya mempunyai strategi dalam menyelesaikan masalah kita. Justeru, janganlah kita mengharapkan yang bulat datang bergolek, yang pipih datang melayang.

Ayat ke-8 memberitahu kita bahawa sekiranya semua urusan yang kita lakukan, baik bagi maksud keuntungan dunia mahupun keuntungan akhirat, dilakukan bagi mengharapkan pengiktirafan dan keredhaan Allah, kita sewajarnya tidak bermasalah dalam kehidupan ini. Kita sering bersedih kerana hubungan yang renggang antara kita dengan Allah dan lebih suka mengadu masalah kita kepada hamba Allah, bukan kepada Allah sendiri.

Pernah satu kisah seorang wanita yang tidak berpendidikan tinggi sering diherdik oleh ibunya yang beliau sendiri jaga akibat tua dan sakit. Beliau sering merungut kerana ibunya tidak menghargai jasanya dan sering membandingkan dirinya dengan kakak dan abangnya yang terpelajar dan berjawatan tinggi walaupun kakak dan abangnya enggan menjaga ibunya. Sungguhpun kita bersimpati dengan perasaan wanita ini, namun sekiranya ia memahami ayat ke-8 Surah al-Insyirah

ini, InsyaaAllah tidak akan timbul masalah pada dirinya kerana penghargaan yang diharap daripada membantu ibunya itu bukan daripada ibunya sendiri tetapi penghargaan daripada Allah SWT.

Sekiranya kita mendapat keredhaan Allah, semua masalah dan kegagalan yang kita sebut tadi sangatlah kecil jika hendak dibandingkan dengan rahmat dan kasih sayang Allah yang dicurahkan kepada hambaNya yang mengharap keredhaanNya. Maka tidak hairanlah Ibnu Abbas menyebut, pada setiap satu usra (keburukan), Allah sertakan dengan kebaikan yang melimpah ruah kepada hambanya yang patuh, sebagaimana yang ditunjukkan pada ayat ke-7 dan khususnya ayat ke-8 yang berkaitan dengan mengharap keredhaan Allah SWT.

Mudah-mudahan melalui perkongsian kita ini kita dapat meningkatkan ilmu tentang bagaimana untuk menangani masalah '*feeling down*' yang pernah kita kutip daripada karya-karya idea barat seperti Stephen Covey dan lain-lain, dan lebih penting lagi, pengajaran yang datang terus daripada Allah SWT melalui wahyuNya kepada Nabi Muhammad SAW berdasarkan kes '*feeling down*' Nabi Muhammad sendiri. Mudah-mudahan kita juga akan membanyakkan bacaan kita terhadap Surah al-Insyirah ini, khususnya dalam sembahyang bagi mendapatkan manfaat dan barakah daripadaNya dan seterusnya juga menjadi ubat motivasi diri kita.

d) Al-Ikhlas dan al-Kauthar: Mengapa Kita Suka Membaca Surah yang Terpendek Dalam Solat

Bismillahirrahmanirrahim

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ (١) اللَّهُ الصَّمَدُ (٢) لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ (٣) وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ (٤)

Bismillahirrahmanirrahim

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ (١) فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَانْحَرْ (٢) إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ الْأَبْتَرُ (٣)

Bersyukur kita kepada Allah SWT kerana masih lagi diberikan kekuatan untuk terus mentaati perintahnya dan menjauhi larangannya. Pada perkongsian kita kali ini kita akan cuba menjawab soalan yang nampak remeh, tetapi amat mendasar, sekiranya kita benar-benar cuba mendalaminya. Iaitu, apakah sebabnya kita cenderung memilih untuk membaca surah yang pendek dalam solat seperti Surah al-Ikhlas dan Surah al-Kauthar yang telah pun dibaca di permulaan perkongsian kita tadi.

Ada di antara kita yang liat untuk pergi sembahyang subuh pada hari Jumaat, kerana biasanya para imam akan membaca surah yang panjang pada kedua-dua rakaat, iaitu Surah As-Sajadah pada rakaat pertama dan Surah al-Insan pada rakaat kedua. Sebenarnya, bukan kita sahaja yang cenderung suka membaca surah yang pendek, khususnya Surah al-Ikhlas dalam sembahyang kita, tetapi Nabi Muhammad SAW sendiri juga memilih surah berkenaan, dan diikuti juga dengan para sahabat. Apabila Baginda bangun malam, dan sebelum solat subuh, Baginda akan menunaikan solat sunat sebelum subuh, dengan membaca Surah al-Kafirun dan Surah al-Ikhlas itu. Sebelum Baginda tidur, Baginda akan solat Witir, Baginda juga akan membaca surah yang pendek.



Orang arab Jahiliyah, termasuk juga orang-orang Greek dahulu, percaya bahawa Tuhan mempunyai keturunan berkahwin. Maka, ada orang badwi yang bertanya Nabi tentang Tuhan orang-orang Islam. Turunlah Surah al-Ikhlash yang menerangkan antara lain, Tuhan itu tidak beranak dan diperanakkan.

Pernah satu ketika, di sebuah masjid yang lain di Madinah, seorang menanyakan Imam berkenaan, yang setiap rakaat membaca Surah al-Ikhlash sebelum membaca surah yang lain, lalu imam berkenaan tidak berminat untuk memberikan penjelasan. Kemudiannya ditanya oleh makmum yang lain pula. Imam berkenaan hanya memberitahu bahawa, “Kalian boleh lantik imam yang lain jika kamu semua tidak suka dengan caraku”. Lalu seorang daripada mereka berjumpa dengan Rasulullah SAW sendiri, mengadukan perkara berkenaan. Baginda meminta supaya disampaikan pesan agar imam berkenaan menerangkan sebabnya. Mereka pun bertanya kepada imam tadi, dan imam itu pun berkata, “Kerana di dalam Surah Al-Ikhlash terdapat sifat Ar-Rahman (sifat Allah) dan aku pun suka membaca surah tersebut.” Nabi Muhammad SAW bersabda, “Katakan kepadanya bahawa Allah SWT mencintainya”.

Surah al-Ikhlash adalah surah yang diturunkan di Mekah pada zaman awal dakwah Baginda. Pemimpin puak tertentu yang mengetahui Nabi Muhammad mengajarkan ajaran Islam, datang berjumpa Baginda, meminta menerangkan Tuhan orang Islam itu. Ketua puak di kalangan orang Badwi itu, diberitahu bahawa Tuhan adalah Allah SWT. Namun beliau tidak berpuas hati tentang

bagaimana Allah SWT itu, adakah ia juga seperti Tuhan yang dia ketahui, ada di Mekah yang sama ada diperbuat daripada emas atau perak, tembaga atau kayu, ataupun seumpamanya. Orang-orang Jahiliyah mempunyai Tuhan yang mempunyai anak dan keturunan, lalu orang Badwi juga mahu mengetahui tentang keluarga serta anak-pinak Tuhan. Maka turunlah wahyu Surah al-Ikhlâs, yang memerintahkan Nabi menerangkan serta menyampaikan dakwah memberitahu bahawa siapakah Tuhan itu.

Ayat Surah al-Ikhlâs berkenaan bermula dengan;

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾

Katakanlah: "Dialah Allah, Yang Maha Esa.

di mana perkataan “Qul”, yang membawa maksud bukan sahaja “katakanlah”, tetapi juga “dakwahkanlah”, “bahawa Allah itu Tuhan yang tunggal atau Esa”.

اللَّهُ الصَّمَدُ ﴿٢﴾

Allah adalah Tuhan yang bergantung kepada-Nya segala sesuatu.

Allah itu tempat bergantung, yang membawa maksud, semua kejadian di alam ini bergantung kepada kesempurnaan Allah SWT yang tunggal.

لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ﴿٣﴾

Dia tiada beranak dan tidak pula diperanakkan,

Tuhan itu tidak mempunyai anak, dan tidak diperanakkan. Dengan perkataan lain, tidak mempunyai keturunan, sepertimana “Tuhan” pada zaman Jahiliyah itu.

وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ﴿٤﴾

Dan tidak ada seorangpun yang setara dengan Dia”.

Dan Allah itu tidak sama dengan Tuhan lain. Kita mungkin mengetahui bahawa Tuhan yang disembah dalam agama-agama lain, termasuk fahaman orang Greek, bukan sahaja banyak atau berbilang, tetapi juga mempunyai nasab atau keturunan. Tuhan berkahwin dan mempunyai anak, menurut pandangan mereka. Kita juga tahu bahawa orang-orang musyrikin Quraisy dan Bani Thaqif mempunyai Tuhan yang dibuat daripada bahan galian seperti emas, perak, batu, kayu dan seumpamanya. Apabila kita memilih surah yang pendek ketika dalam solat, adakah kita memilihnya kerana ianya pendek, senang, justeru solat boleh cepat dan mudah dihabiskan?

Imam yang dibincangkan di atas tadi, yang setiap rakaat membaca Surah al-Ikhlâs ini, memilih untuk membacanya, kerana di dalam surah ini tergambar bukan sahaja nama-nama Allah SWT, tetapi tentang sifat Allah itu. Nama Allah, Ahad, dan as-Samad, hanya terdapat dalam Surah al-Ikhlâs ini sahaja. Rasulullah SAW pernah bersabda, ganjaran membaca Surah al-Ikhlâs ini, samalah seperti membaca sepertiga al-Quran, dan ini janganlah di salah tafsirkan dengan tidak perlu aku membaca satu al-Quran, cukuplah aku membaca dengan tiga kali Surah al-Ikhlâs. Imam tadi diberitahu oleh Baginda, bahawa beliau membaca Surah al-Ikhlâs semata-mata kerana kebesaran dan kehebatan Allah SWT, yang tergambar dalam Surah al-Ikhlâs ini. Sebagaimana yang kita sebut tadi, ganjarannya amatlah besar. Begitulah juga Rasulullah SAW mengetahui tentang kehebatan surah ini, justeru Baginda kerap membaca di dalam solatnya.

Pernah satu ketika, seorang imam dijemput untuk berbahas tentang Islam, dengan ajaran Kristian, iaitu Imam "al-Bakalani". Ketika bertemu dengan Paderi, beliau menanyakan tentang bagaimana kesihatan keluargamu, iaitu isteri dan anak-anak. Menurut kisahnya, paderi berkenaan berasa tidak puas hati dan marah, kerana paderi adalah manusia berjiwa Tuhan, *man of god*, yang suci, tidak berkahwin dan tidak mempunyai anak. Justeru disebut oleh Imam al-Bakalani, jika paderi itu suci, tidak mempunyai anak, kenapa Tuhan yang engkau sembah pula mempunyai anak? Adakah engkau lebih suci daripada Tuhanmu?

Kita tidaklah menafikan bahawa dalam ajaran Kristian pada hari ini, ada yang Trinitarian, dan Unitarian. Tetapi bukanlah di sini tempatnya untuk kita membahas isu itu. Namun apa yang hendak kita sampaikan, ialah tentang betapa kita sebagai orang Islam, mengucapkan dua kalimah syahadah, *Ash-hadu alla ilaha illallah, wa ash-hadu anna Muhammadar-Rasulullah*, yang mana Surah al-

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Ikhlas merangkumi penjelasan dalam banyak hal pada bahagian pertama kalimah syahadah kita. Maka wajarlah sekiranya kita memilih surah yang pendek, iaitu al-Ikhlas di dalam solat kita. Kita memilihnya kerana kandungan surah berkenaan menceritakan keagungan Allah, dan surah berkenaan juga dipilih oleh Baginda, para sahabat dan imam yang lain. Di samping ianya mengandungi sebahagian daripada kalimah syahadah.

Satu surah pendek yang lain, yang juga kerap menjadi pilihan kita, sekiranya kita hendak cepat menghabiskan solat, adalah dengan membaca Surah al-Kauthar. Tahukah kita, sebahagian besar kandungan Surah al-Kauthar ini, mengandungi penjelasan yang berkaitan dengan bahagian kedua kalimah syahadah kita, iaitu Muhammad-Rasulullah. Surah ini diturunkan disebabkan kesedihan Baginda, kematian anaknya Abdullah pada usia kecil, setahun lebih. Sebagaimana yang kita ketahui, anak Baginda bersama-sama Khadijah adalah seramai enam orang, iaitu Qasim, Zainab, Ruqayyah, Ummu Kultsum, Fatimah dan Abdullah.



Didiklah anak kita ke arah jalan kebenaran, kerana doa anak-anak kita akan dapat membantu kita di alam kubur nanti. Nabi mempunyai enam orang anak bersama Khadijah, iaitu Qasem, Zainab, Ruqayyah, Umi Kalthum, Fatimah dan Abdullah, dan seorang lagi bersama Mariah al-

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Qibti, iaitu Ibrahim. Kematian Abdullah itulah amat menggemberikan orang-orang Musyrikin, kerana Abdullah lahir pada zaman bermulanya dakwah, dan kematian anak lelaki, menurut orang Musyrikin, bererti berakhirlah legasi Nabi dan dakwah itu.

Abdullah lahir pada zaman selepas Nabi berusia 40 tahun, iaitu semasa dakwah Islam sedang mula disampaikan. Pembesar-pembesar Quraisy seperti Umayyah bin Khalaf, al-'As bin Wa'il, dan ramai lagi, termasuk Abu Jahal, rata-ratanya tidak suka dengan adanya anak lelaki daripada Nabi Muhammad. Ini kerana, dakwah Islam akan bersambung melalui anak lelakinya nanti, justeru legasi Nabi Muhammad SAW dan Islam akan berterusan.

Untuk catatan, Qasim telah meninggal dunia pada usia kanak-kanak baru hendak belajar menaiki kuda, sekitar 9 tahun. Apabila Abdullah meninggal dunia, pemimpin-pemimpin Quraisy begitu gembira sesama mereka, dengan berkata, “Qad batara Muhammad, Qad batara Muhammad,” berulang-ulang kali, yang bermaksud, legasi Muhammad dan dakwahnya terputus, ini kerana Abdullah, anaknya telah mati. Tentulah Rasulullah SAW berasa begitu sedih, menahan kesedihannya dengan menutup mata. Lalu wahyu turun, dan ianya berkenaan dengan ayat;

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ /

Sesungguhnya Kami telah memberikan kepadamu nikmat yang banyak.

yang membawa maksud, “engkau telah Aku berikan Kauthar”, iaitu telaga besar yang berada di syurga yang digambarkan lebih putih dari salji, lebih manis daripada madu dan lebih sejuk daripada ais. Barang siapa meminumnya, walaupun setitik atau seteguk sekalipun, dia tidak akan dahaga untuk selama-lamanya. Para sahabat melihat Baginda membuka mata sambil membaca wahyu ini dengan muka yang ceria, lalu menyambung;

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَانْحَرْ /

Maka dirikanlah shalat karena Tuhanmu; dan berkorbanlah.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

yang mengarahkan Baginda supaya menunaikan solat, dan melakukan korban sebagai sedekah. Untuk catatan, Baginda dikatakan solat sekurang-kurangnya 50 rakaat sehari, dan solat kita adalah *agreement* yang kita buat dengan Allah SWT tentang ketaatan dan rasa terima kasih kita. Orang yang tidak solat tidak ada tempat di sisi Allah SWT, kerana tidak ada *agreement*-nya dengan Allah SWT. Rasulullah SAW sebagaimana yang kita ketahui, bukanlah orang yang berada, tetapi sebagaimana yang pernah kita bincangkan, ketika Baginda menunaikan haji pada tahun 10 Hijrah, Baginda telah berkorban 100 ekor unta, yang telah dibelinya daripada Yaman melalui Saidina Ali RA. Dengan tangan Baginda sendiri, 63 ekor unta disembelihnya, simbolik pada umurnya. Selebihnya dibantu oleh menantunya, Sayidina Ali RA. Kesedihan akibat kematian Abdullah, digantikan dengan berita gembira, iaitu ganjaran Kauthar, dan kemudiannya dengan perintah solat serta korban.

Sambungan kepada surah ini ialah:

إِنَّ شَانِكَ هُوَ الْأَبْتَرُ /

Sesungguhnya orang-orang yang membenci kamu dialah yang terputus.

yang merujuk kepada orang-orang pemimpin Quraisy yang disebut tadi, yang menolak atau membenci Baginda tanpa sebab yang boleh diterima akal, dan merekalah atau legasi merekalah sebenarnya yang tidak berterusan. Perkataan “*huwal abtar*” di hujung surah ini, amat berkaitan dengan perkataan “Qad batara Muhammad”, putuslah legasi Muhammad serta dakwah Islam, yang diulang-ulang oleh pemimpin Quraisy semasa Abdullah anak Nabi meninggal dunia itu. Dan sebenarnya kalau kita perhatikan pada hari ini, Nabi Muhammad SAW sering disebut-sebut, dan sering kita selawat dan memuji-muji, serta mendoakan kesejahteraan Baginda.

Siapakah Abu Jahal, al-’As al-Wa’il, Umayyah bin Khalaf, dan Walid bin al-Mughirah pada hari ini? Melainkan disebut sebagai pemimpin Quraisy yang sesat, degil, penyeksa, selain menderhaka kepada Allah SWT.

Apabila kita memilih untuk membaca Surah al-Kauthar dalam solat kita, sewajarnya kita memilihnya kerana ayat ini menggambarkan tentang kehebatan Baginda Rasulullah SAW,

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

sehingga namanya diagungkan sehingga hari ini. Bukan kerana pendek surah, maka sembahyang boleh disiapkan cepat semata-mata.

Mudah-mudahan mulai daripada hari ini, apabila kita melakukan solat, kita memilih untuk membaca Surah al-Ikhlâs dan Surah al-Kauthar dengan penuh rasa kesedaran bahawa dalam surah ini, tergambarlah kehebatan Allah SWT dan Baginda Muhammad Rasulullah, dan betapa surah ini juga menggambarkan sebahagian daripada isi kalimah syahadah kita. Mudah-mudahan kita memilihnya juga adalah sesuai dengan Sunnah Rasulullah SAW yang memilihnya, sesuai dengan para sahabat yang juga memilihnya, dan bukan kerananya pendek dan ringkas surah berkenaan, tetapi sebagaimana yang disebut tadi, tentang kandungannya yang menggambarkan Allah SWT dan Rasulnya.

e) Surah At-Takathur: Kenapa Mesti Dunia yang Kita Sibukkan?

Banyak-banyaklah kita menunjukkan rasa syukur kepada Allah SWT kerana telah banyak memberikan kesenangan kepada kita, baik dari segi masa, kesihatan, mahupun wang ringgit. Dalam kesibukan kita mengisi ruang masa untuk mengejar apa yang kita inginkan seperti rumah atau harta, anak-anak yang berjaya, pangkat dan kedudukan sosial yang lebih tinggi, dan lain-lainnya, adakah kita yakin bahawa kita tidak akan mati pada esok harinya? Atau mungkin juga pada bulan depan, atau pada tahun hadapan.

Sebagaimana yang kita ketahui, ramai rakan-rakan kita yang secara tidak disangka telah meninggalkan kita. Dalam kesibukan kita itu, bukan sahaja kita mungkin terlupa akan betapa pada bila-bila masa sahaja, nyawa kita akan melayang, tetapi apa yang kita kejarkan tadi juga boleh terbang bersama. Nyawa kita masih belum dicabut, maka wajar juga kita bertanya, bilakah kali terakhir kita menziarahi kubur untuk bertemu dengan rakan-rakan, atau saudara-mara, atau ibu-bapa kita yang telah terlebih dahulu dikuburkan? Tidakkah kita perhatikan di perkuburan itu, ramai yang lebih muda daripada kita telahpun dicabut nyawa.

Apa yang pasti bukan sahaja kematian itu akan datang, kerana nombor giliran kita telah ada, tetapi harinya semakin pantas tiba, sebagaimana pantasnya kita meninggalkan hari-hari semalam. Apa yang kita bincangkan ini sewajarnya mengingatkan kita akan Surah at-Takathur, surah yang diturunkan di Mekah yang kandungannya menceritakan tentang kesibukan manusia bersaing, bukan sahaja untuk mendapatkan isi dunia, malah bermegah-megah dengan pencapaian mereka. Ayat pertama Surah at-Takathur adalah seperti berikut:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

أَلْهَنُكُمْ التَّكَاثُرُ

Kamu telah dilalaikan (daripada mengerjakan amal bakti) oleh perbuatan berlumba-lumba untuk mendapat dengan sebanyak-banyaknya (harta benda, anak-pinak pangkat dan pengaruh)

Ulama' seringkali memberikan penjelasan yang panjang tentang maksud ayat pertama ini, kerana perkataan Takathur membawa maksud yang pelbagai. Kita mungkin berlumba-lumba untuk memastikan anak kita berjaya dalam bidang akademiknya, dan sering pula secara langsung atau tidak, bermegah-megahan dengan kejayaannya. Ketika bersembang dengan rakan, misalnya, bagi mereka yang berjaya, akan menyebut anak yang aku yang pertama ada di universiti itu, anak kedua ada di universiti ini, anak yang ketiga telah dirancangkan untuk belajar perubatan, dan untuk tidak dikesan supaya tidak memberi keutamaan kepada akhirat, anak keempat aku akan berikan pendidikan agama, mudah-mudahan dia menjadi ustaz kemudian hari. Sesetengah kita pula sibuk mengejar harta, dan menceritakan pula tentang dua-tiga buah rumah yang dibelinya. Yang tidak berharta, mahu menunjukkan sesuatu tentang dirinya, menceritakan pula tentang rumah-rumah atau banglo besar yang dimiliki oleh saudara-maranya.



Mengapa hendak bermegah-megah dan bersaing-saing dengan kurniaan Allah SWT, sehinggakan banglo atuk saudara pun hendak diceritakan kepada orang, semata-mata hendak menunjukkan bahawa saudara-maranya juga berharta.

Ada yang lebih dahsyat lagi, kerana ingin menunjukkan kelebihan diri, apabila berdepan dengan ahli agama, menceritakan aktiviti-aktiviti keagamaannya di rumah, ataupun kegiatan-kegiatan luarnya, supaya setidak-tidaknya dia juga dilihat sama hebat seperti ahli agama. Sekiranya kita mengingati mati, dan dapat membayangkan alam kubur, kesibukan berlumba-lumba mengejar kesemuanya yang di atas, serta bermegah-megahan dengannya, InsyaaAllah akan dapat dikurangkan, sekiranya tidak dihilangkan. Dikatakan orang yang kerap menziarahi kubur akan mudah mengingati mati, maka mengapa tidak kita melawati kubur secara kerap (mingguan atau bulanan setidak-tidaknya)?

Antara lain, Surah at-Takathur ini diturunkan disebabkan oleh sikap berlumba-lumba dan bermegah-megah dua Bani, iaitu Bani Abdul Manaf dan Bani Abdul Shams, yang masing-masing bermegah-megahan dengan pencapaiannya. Masing-masing menyenaraikan harta, anak-pinaknya, dan lain-lain, sehingga apabila tidak ada lagi yang hendak disenaraikan, mereka pergi ke kawasan perkuburan untuk menunjukkan bahawa di perkuburan Mekah (Ma'alla) itu terdapat nenek-moyang mereka yang mempunyai kedudukan tinggi dalam masyarakat. Maka, ayat kedua yang berikut menerangkan sebahagian daripada sebab ayat-ayat ini diturunkan:

حَتَّىٰ زُرْتُمُ الْمَقَابِرَ ﴿٢﴾

Sehingga kamu masuk kubur.

Syeikh Yasir Qadhi memberikan tiga maksud ayat kedua ini. Pertama, ia merujuk kepada peristiwa sejarah (Bani Abdul Manaf dan Bani Abdul Shams) di atas. Kedua, kesibukan berlumba-lumba dan bermegah-megah ini, sehingga ia menjadi satu bentuk percaturan yang berterusan sehingga kita mati dan dikuburkan. Manakala yang ketiga pula, ziarah ke kubur akan membolehkan seseorang itu sedar akan permainan at-Takathur itu.

Namun begitu, oleh kerana tipu daya duniawi ini sangat kuat kerana adanya hasutan Syaitan, barangsiapa yang terjebak dalam “*rat-race competition*”, atau at-Takathur sebagaimana dalam ayat 1 tadi, peluang mereka adalah tipis, melainkan dia memiliki keyakinan yang disebut dalam surah ini nanti, iaitu *ilmul yakin*, dan *ainul yakin*. Ibnu Abbas yang terkenal dengan kekuatan ilmu terjemahan, menyebut, ayat pertama *al-ha kumuttakathur* itu dalam bentuk soalan yang sinis, yakni “berlumba-lumba untuk bermegah-megah?” Wallahua’lam.

Ayat 3 dan 4 adalah seperti berikut:

كَأَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٣﴾

Jangan sekali-kali (bersikap demikian)! Kamu akan mengetahui kelak (akibatnya yang buruk semasa hendak mati)!

ثُمَّ كَالَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٤﴾

Sekali lagi (diingatkan): jangan sekali-kali (kamu bersikap demikian)! Kamu akan mengetahui kelak (akibatnya yang buruk pada Hari Kiamat)!

Kedua-dua ayat di atas memberitahu kepada kita bahawa, kalau kita berterus-terusan sibuk dengan duniawi, berlumba-lumba dan bermegah-megah dengan kejayaan anak kita dengan harta yang kita kumpulkan, dengan pangkat dan ilmu yang Allah SWT berikan, maka kita akan tahu padahnya, baik ketika Malaikat maut mengambil nyawa kita, atau ketika kita dibangkitkan di hari akhirat nanti.

Persoalannya, adakah kita tidak yakin tentang padah berkenaan, sehinggalah perlu tunggu Malaikat maut mengambil nyawa, atau sehingga hari dibangkitkan nanti? Adakah ayat-ayat al-Quran tidak masuk ke diri kita, sehingga apabila diberi peringatan, kita buat endah tak endah sahaja?

Orang-orang kafir musyrik seperti Utbah ibnu Rabiah dan Walid Ibnu al-Mughirah pun, apabila mendengar ayat al-Quran, akan terkesan kepada diri mereka, cuma kerana kedegilan mereka, mereka menidakkannya di depan orang ramai, tetapi mengakuinya apabila bersendirian. Surah al-Mudassir, wahyu kedua, menceritakan bagaimana Walid ibnu al-Mughirah ke hulu ke hilir apabila bersendirian, dan berada dalam dilema untuk mengakui hakikat ayat-ayat al-Quran di satu sisi, dan di satu sisi yang lain pula, untuk menidakkannya di depan orang ramai. Utbah ibnu Rabiah apabila Nabi Muhammad SAW membaca ayat al-Quran, sampai satu saat menyebut tentang petir yang akan menyambar dirinya, lalu menutup mulut Nabi, kerana ayat berkenaan telah menyebabkan dirinya amat takut dan merasai petir yang akan menyambar itu.

Bukankah kita telah banyak mendengar ayat-ayat al-Quran tentang balasan di hari akhirat nanti? Mungkin masalahnya kita tidak mempunyai keyakinan, baik dari segi yakin melalui ilmu, Ilmu Yakin, yakin dengan melihatnya, Ainul Yakin, yakin dengan hak, Hakkul Yakin. Ustaz Nouman Ali Khan ada menerangkan tiga konsep keyakinan ini, dengan memberi metafora asap dan api. Apabila kita nampak asap, kita mempunyai ilmu, yang mana dengan ilmu itu kita yakin kebakaran berlaku. Ini adalah Ilmu Yakin. Apabila kita melihat api di depan mata kita, maka kita yakin itu adalah api (Ainul Yakin). Hanya apabila kita menghampiri dan menyentuh api berkenaan, dan merasai kepanasannya, maka kita yakin dengan sesungguhnya, bahawa asap tadi datang daripada api yang memanaskan, Hakkul Yakin.

Dalam surah ini, hanya dua konsep dibincangkan, Ilmu dan Ainul. Adakah kita tidak yakin akan padah orang yang sibuk berlumba-lumba dan bermegah-megah, sambil tidak mahu mengambil inisiatif untuk kerap menziarahi kubur?

Ayat seterusnya adalah seperti berikut:

كَأَلَّا لَوْ تَعْلَمُونَ عِلْمَ الْيَقِينِ ﴿٥﴾

Demi sesungguhnya! Kalaulah kamu mengetahui - (apa yang kamu akan hadapi) - dengan pengetahuan yang yakin, (tentulah kamu akan mengerjakan perkara-perkara yang menjadi bekalannya untuk hari akhirat).

Ayat di atas jelas menunjukkan kepada kita bahawa sekiranya kita tahu padah at-Takathur itu, iaitu dihumban ke dalam api neraka, maka kita akan lebih sibuk berlumba-lumba untuk mengerjakan amalan bagi membawa bekalan ke alam akhirat. Jadi, kita akan mendidik anak kita dengan penuh tanggungjawab, supaya dia faham dunia ini adalah sementara, dan akhirat itu adalah kekal abadi.

Maka apa perlunya kita berbangga-bangga, kalau satunya di universiti itu, dan satunya di universiti ini, kalau kedua-duanya tidak dapat melihat padah akibat sibuk berlumba-lumba dan bermegah-megah tentangnya. Begitu halnya juga, apakah faedahnya kita mengumpul harta, dan apakah faedahnya kita mengumpul ilmu, termasuk ilmu agama sendiri, sekiranya harta dan ilmu itu tidak kita gunakan dan tumpukan untuk faedah akhirat. Adakah kita tidak nampak atau tidak tahu tentang padah sikap buruk kita itu? Neraka adalah tempat mereka yang at-Takathur, dan ayat keenam berikut menjelaskan betapa ngerinya gambaran neraka itu:

لَتَرَوُنَّ الْجَحِيمَ ﴿٦﴾

(Ingatlah) demi sesungguhnya! - Kamu akan melihat neraka yang marak menjulang.

ثُمَّ لَتَرَوُنَّهَا عَيْنَ الْيَقِينِ ﴿٧﴾

Selepas itu - demi sesungguhnya! - kamu (wahai orang-orang yang derhaka) akan melihatnya dengan penglihatan yang yakin (semasa kamu dilemparkan ke dalamnya)!

Dua ayat di atas adalah tentang Ainul Yakin, tetapi itu adalah keadaan apabila seseorang itu dicampak ke dalam api neraka. Adakah kita tidak boleh dapat melihat pada masa ini, betapa dahsyatnya api neraka itu, sebagaimana yang disampaikan dalam al-Quran, sedangkan, Utbah ibnu Rabbiah, yang tidak Islam itu, dapat merasa dirinya akan dipanah petir, sehingga menutup mulut Nabi, menyuruhnya berhenti, memberitahu bahawa Muhammad adalah saudara-maranya, sebagai cara berdiplomasi.




Apa sangatlah api dunia ini kalau hendak dibandingkan dengan api neraka itu? Kalau masih lagi dunia kita terkejar-kejarkan, kita sebenarnya sedang mengejar api neraka akhirat. Berpada-padalah dalam melakukan sesuatu, dan sentiasa bersyukurlah dengan nikmat Allah SWT, kerana apa yang kita gunakan dengan setiap nikmat walaupun air seteguk, akan ditanya oleh Allah SWT di akhirat nanti.

Ramai ulama' yang menggigil tubuhnya dan mengalir air matanya apabila membaca ayat al-Quran, apatah lagi apabila ianya mengenai azab api neraka. Bagaimanakah diri kita apabila mendengar ayat-ayat Allah itu, dan bagaimana diri kita apabila membaca Surah at-Takathur ini? Tidakkah kita yakin al-Quran itu kalimah Allah SWT yang benar? Sedarlah diri kita bahawa sungguh banyak nikmat yang dikurniakan Allah SWT kepada kita. Kalau hendak dihitung tentulah tidak terhitung banyaknya. Diberikan harta, keluarga dan anak-anak, diberikan pancaindera untuk melihat, mendengar dan merasa, diberikan nikmat Islam.

Pernahkah kita bertanya kepada diri kita, apakah yang telah kita lakukan untuk kebaikan dunia, dan yang lebih penting, akhirat, pada setiap kali nafas ditarik dan dihembus? Pernahkah kita tanya perkara yang sama, setiap kali makanan disuap dan minuman dihirup? Adakah nikmat-nikmat yang Allah SWT berikan ini kita gunakan untuk sibuk dengan hal duniawi, dengan berlumba-lumba dan bermegah-megah semata-mata?

Lihatlah ayat berikut, yang mana kita akan ditanya di akhirat nanti tentang bagaimanakah kita memanfaatkan nikmat yang diberikan oleh Allah SWT:



Selain dari itu, sesungguhnya kamu akan ditanya pada hari itu, tentang segala nikmat (yang kamu telah menikmatinya)!

Ayat ini mengingatkan kita tentang hadis Abu Hurairah, yang mana pada satu masa, cuaca sangat panas. Abu Bakar, Umar, dan Nabi Muhammad SAW berada di luar rumah, dan masing-masingnya bertanya, mengapa berada di luar dalam keadaan panas, dan kesemuanya memberitahu, masing-masingnya tidak mempunyai makanan di rumah, dan masing-masingnya kelaparan. Lalu, mereka pergi ke rumah sahabat yang bernama Abu Khaitam, lalu dihidangkan makanan yang lazat (daging dan roti). Setelah makan, Nabi bertanya kepada Abu Bakar dan Umar, tentang bagaimana engkau hendak gunakan nikmat makanan ini, supaya ia memberi kesan dan manfaat kepada umat, untuk dibawa ke akhirat, kerana nikmat ini akan ditanya di akhirat nanti.

Kita telah diberikan nikmat makan yang berlebihan, kerana kita tidak pernah mengalami kelaparan yang sebegitu, maka kita kurang bersyukur. Bukankah makin banyak nikmat yang Allah beri, makin banyak ditanya oleh Allah SWT di akhirat kelak? Jika demikian, kenapa makin banyak harta yang hendak kita kumpulkan, mengapa ke arah kepentingan dunia, anak-anak kita kita tujukan? Dan mengapakah kepentingan dunia yang kita cari, daripada ilmu-ilmu yang kita perolehi?

Satu ketika, para sahabat, Ibnu Zahir, bertemu dengan Nabi yang sedang membaca Surah at-Takathur ini. Selesai membaca surah ini, Nabi menyebut tentang harta, yang antara lain menyebut, apa yang dikatakan harta kita ialah, pakaian yang kita pakai, makanan yang kita makan, dan apa yang kita sedekahkan. Kita mungkin ada pakaian yang dalam tempoh dua minggu, sekali pun kita tidak gunakan. Itu bukan harta kita, malah boleh menjadi bala kepada kita, kerana bagaimana kita hendak jawab di akhirat nanti? Kita ada banyak makanan yang kita simpan, atau wang ringgit. Makanan dan wang ringgit yang kita gunakan sahaja adalah harta kita, yang selebihnya boleh

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

menjadi bala kepada kita. Apa yang kita sumbangkan daripada lebihan yang kita ada akan menjadi harta kita, kerana apa yang berkekalan dan dibawa ke akhirat nanti adalah harta-harta dan wang ringgit yang kita sedekahkan, pakaian yang lusuh kerana dipakai, dan makanan yang habis kita makan.

Setakat ini sahajalah perkongsian kita, mudah-mudahan dengan membaca dan memahami Surah at-Takathur ini kita diberikan kefahaman terhadap keperluan untuk sentiasa sibuk menyediakan bekalan akhirat, dan bukan sebaliknya. Ini tidak seharusnya difahami sebagai meninggalkan nikmat dunia. Tetapi yang dimaksudkan di sini ialah tidak sibuk dengan kepentingan dunia, sehingga berlumba-lumba serta bermegah-megahan dengannya.

f) Surah Al-Fatihah (Bahagian 1): Menghormati Perbezaan Pandangan

Kita bersyukur kepada Allah SWT kerana bukan sahaja kita menyembah Tuhan yang layak disembah tetapi juga Tuhan itulah yang kita kasihi, harapkan rahmat dan yang kita geruni. Tuhan itu jugalah yang telah menunjukkan atau memberikan hidayah kepada kita ke jalan yang lurus.

Jika kita perhatikan pada masa kini, kita sudah semakin mudah bertemu orang Islam dari negara lain seperti dari benua Afrika, Eropah serta dari Timur Tengah dan Indo-Pakistan. Kadangkala kita rasa sedikit tersentak dengan cara mereka beramal, misalnya dalam sembahyang, begitu juga dalam ibadah-ibadah yang lain. Sesetengah kita berasa sedikit aneh kerana sembahyang di masjid yang tidak membaca takbir hari raya pada hari raya. Di sesetengah masjid yang lain, takbir berkenaan dilaungkan berterusan. Di sesetengah universiti yang terdapat ramai pelajar Islam luar negara, seperti di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) misalnya, kita dapat memerhati pelbagai amalan yang dilakukan mengikut mazhab-mazhab dalam ajaran Ahli Sunnah wal Jamaah. Fenomena ini amat biasa di Mekah, terutamanya ketika orang menunaikan haji, yang mana amalan daripada keempat-empat mazhab, Hanafi, Maliki, Syafi'e dan Hanbali terpamir. Malah, kita juga mungkin dapat menyaksikan ibadah mengikut ajaran Syiah dan lain-lain lagi.



More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Imam Abu Hanifah yang telah meninggal dunia pada 150 Hijrah telah mengambil inisiatif untuk memastikan ilmu fiqah ditegakkan di dalam dunia Islam. Inisiatif ini telah diikuti oleh Imam Malik yang meninggal pada 179 Hijrah, dan kemudiannya Imam Syafi'e yang meninggal pada 204 Hijrah, dan akhirnya Imam Hanbali yang meninggal pada 241 Hijrah. Manfaatkanlah ilmu-ilmu mereka itu, dan jangan pula dijadikan sebab untuk kita berkelahi sesama kita.

Kita bukanlah hendak membincangkan tentang perbezaan mazhab, tetapi hendak mendalami maksud Surah Al-Fatihah dan bagaimana Al-Fatihah itu dibaca secara berbeza mengikut mazhab tertentu. Perkara ini penting kerana jika kita tidak mempunyai sedikit pengetahuan tentang hikmah daripada perbezaan berkenaan, kita akan mudah menyalahkan atau menidakkan amalan orang lain. Kadangkala juga, kita mula tidak yakin dengan amalan yang kita sering lakukan.

Sebahagian besar masyarakat Asia Tenggara sejak berkurun lamanya telah didedahkan dengan fiqah mazhab Imam Syafi'e dan kita sebagai masyarakat awam eloklah bertaklik atau mengikut sahaja apa yang telah diputuskan oleh imam-imam besar ini. Imam Syafi'e terkenal dengan personalitinya yang amat teliti sehinggakan suatu ketika, apabila ditanyakan tentang berapakah kaki keldai yang ditunggangnya, beliau tidak terus menjawab soalan yang kebiasaannya dianggap remeh tersebut, tetapi sebaliknya turun dan mengira kaki keldai tersebut bagi memastikan bahawa jawapan yang diberikan adalah tepat dan betul. Beliau terkenal dengan sifat beliau yang sentiasa bergantung kepada Allah SWT. Hal ini terbukti kerana apabila beliau mengucapkan rasa syukur kepada Allah SWT, beliau turut bersyukur kepada Allah kerana memberikan kekuatan kepadanya untuk mengucapkan rasa syukur kepadaNya.

Manusia secara amnya dapat dibahagikan kepada tiga golongan dari segi ilmu dan amalnya. Kita berdoa kepada Allah SWT semoga dimasukkan ke dalam kategori yang berilmu dan beramal, bukan dalam kategori yang berilmu tetapi tidak beramal mahupun yang beramal tanpa ilmu. Ramai orang yang mempunyai penyakit juga mempunyai ilmu tentang ubat, tetapi apakah gunanya ilmu itu kepada dirinya sekiranya ubat itu tidak dimakan. Begitu juga bagi orang yang makan sebarang ubat tanpa bersandarkan ilmu untuk mengubat penyakitnya. Kita harus ingat bahawa Allah sahajalah tempat kita memohon supaya diberikan ilmu yang benar, dan Allah SWT sahajalah yang kita sembah dan minta pertolongan.

Muqaddimah tazkirah kita yang agak panjang ini sebenarnya merupakan sebahagian besar daripada kandungan maksud Surah Al-Fatihah dan InsyaaAllah kita akan bincangkan perkara ini dengan harapan bukan sahaja kita dapat diberikan ilmu yang betul untuk beramal, tetapi juga supaya kita tidak mempunyai prasangka yang buruk terhadap amalan orang lain berbeza kerana perbezaan ilmu. Lagipun, kita hanyalah orang awam yang cetek ilmu, sedangkan orang lain beramal berdasarkan ilmu yang telah difatwakan dalam mazhab mereka masing-masing. Setelah Muqaddimah itu, marilah kita mulakan perbincangan Surah Al-Fatihah dengan melihat kepada ayat pertama surah ini.

Ayat pertama Surah Al-Fatihah adalah seperti berikut:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

“Dengan menyebut nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang”

Kita tahu bahawa dengan membaca bismillah, semua pekerjaan kita InsyaaAllah akan mendapat keberkatan Allah. Surah Al-Fatihah ini mempunyai banyak nama lain, misalnya Ummul Kitab dan Ummul Quran. Kebanyakan daripada kita juga tahu bahawa surah ini terdiri daripada tujuh ayat. Malahan, ada disebut dalam al-Quran mengenai tujuh ayat yang sering diulang-ulang (merujuk kepada Surah Al-Fatihah). Al-Fatihah ini diulang-ulang dengan kerap dan banyak kerana bayangkan, dalam masa sebulan, satu keluarga sahaja membacanya lebih daripada seribu kali. Bayangkan sahaja jika sejumlah dua billion umat Islam yang ada di muka bumi ini membacanya.

Perbezaan di kalangan mazhab tentang kedudukan Bismillah sebagai salah satu daripada ayat Surah Al-Fatihah memang ada, dan perkara ini tidak perlu diperbesarkan. al-Quran yang dicetak di Afrika, dan di beberapa buah negara lain, tidak meletakkan kalimah bismillah dalam Surah Al-Fatihah. Ini kerana bagi mereka, tujuh ayat Al-Fatihah tidak termasuk Bismillah tersebut. Namun begitu, sebagaimana yang kita fahami, dalam mazhab kita, Bismillah adalah salah satu daripada ayat dalam Surah Al-Fatihah dan kita akan tunjukkan nanti, pada ayat mana terdapat perbezaan berkenaan kerana tidak ada mazhab yang mengatakan Al-Fatihah hanya mempunyai 6 ayat. Perbezaan ini akan dapat kita rasai jika kita sembahyang di masjid yang berbeza di Kuala Lumpur

ini, contohnya di Masjid Pakistan, Masjid India atau dengan mendengar bacaan rakan-rakan kita dari negara lain. Mereka yang bermazhab Hanafi kebiasaannya tidak membaca Bismillah. Sebahagian daripada mazhab Maliki dan Hanbali membacanya dengan perlahan dan hanya mereka daripada mazhab kita yang membacanya dengan kuat sebagai isyarat bahawa ianya merupakan salah satu daripada 7 ayat dalam Surah Al-Fatihah.

Menurut Syeikh Yasir Qadhi dan ramai guru agama yang lain, Al-Fatihah ini dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu dari mula sehingga “*Maliki yaumiddin*”, yang merupakan ayat-ayat tentang hubungan kasih sayang kita dengan Allah, Ya Rabbal Alamin. Kumpulan kedua pula terdiri daripada ayat mengenai harapan kita bagi mendapatkan rahmat dan yang ketiga pula ketakutan kita terhadap balasan Allah SWT.

Berikut ialah ayat dan terjemahan ayat kedua (atau pertama) Surah Al-Fatihah ini:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِ

“Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam”

Perkataan Rabb dalam ayat ini menunjukkan bahawa Allah yang menyediakan sesuatu kepada kita. Kerana itu, wajarlah kita bersyukur dan memujiNya sebagaimana dalam kalimah *alhamdulillah* itu. Ayat ini, apabila dibaca, sewajarnya dapat menimbulkan suatu hubungan kasih sayang dan syukur kita kepada Allah.

الرَّحْمَنُ الرَّحِيمِ

“Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang”

Ayat ini, apabila kita baca, dapat membangkitkan rasa betapa kita amat mengharapkan rahmat dan kasih sayang Allah. Pernah disebut oleh Syeikh Yasir Qadhi bahawa orang kafir sekalipun akan optimistik mendapat balasan baik di akhirat sekiranya dia benar-benar faham dengan kalimah Ar-Rahman di atas.


مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ

“Yang Menguasai pada hari pembalasan”

Ayat ini pula, sewajarnya, apabila dibaca dapat membangkitkan rasa takut dan gerun dengan balasan Allah SWT terhadap dosa-dosa yang kita lakukan.

Secara amnya, dengan membaca ketiga-tiga ayat di atas, kita dapat menggabungkan perasaan kasih sayang, harapan dan ketakutan kepada Allah, Tuhan Yang Layak Disembah. Allah SWT layak disembah kerana sifat-sifatnya seperti Maha Mendengar, Maha Melihat, Maha Menyayangi, dan tentulah Tuhan yang lain tidak layak disembah kerana tidak mempunyai sifat-sifat seperti itu. Kita tidak boleh menimbulkan perasaan takut, dan pada masa yang sama sayang serta mengharapkan kepada makhluk kerana ianya tidak mungkin dapat dilakukan oleh makhluk, dan hanya dapat dilakukan oleh Allah.

Sebenarnya, sememangnya terdapat perbezaan tentang makna setiap ayat yang dibaca, sungguhpun ianya tidaklah ketara. Demikian itu, kadangkala cara membacanya juga adalah berbeza. Seseengah membacanya dengan menggabungkan ayat, sesetengah secara satu persatu dan tentulah mereka mempunyai pedoman melakukannya. Terdapat satu hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah tentang adanya respons Allah SWT bagi setiap ayat Surah Al-Fatihah yang kita baca.



Khusyuk dan tertiblah kita ketika dalam sembahyang, mudah-mudahan solat kita dapat mencegah kita daripada melakukan kemungkaran.

Maka, wajarlah jangan disambung ayat, menurut sesetengah pandangan. Hadith tersebut merupakan hadith Qudsi dan hadithnya adalah seperti berikut:

Rasulullah ﷺ bersabda: Bahawa Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى berfirman: "Solat itu Aku bagi 2 yaitu antara-KU dan hamba-KU. Untuk hamba-KU ialah apa yang dimintanya..."

Seperti inilah Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى menjawab setiap satu ayat dari Al-Fatihah kita:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Apabila hamba-KU mengucapkan:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى menjawab: *Hamdani 'abdi (hambaku memujiku)*

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Apabila hamba-KU mengucapkan:

الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ

Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ menjawab: 'Atsna alayya 'abdi (hambaku menyanjungiku)

Apabila hamba-KU mengucapkan:

مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ

Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ menjawab: Majjadani abdi (hambaku mengagungkanku)

Apabila hamba-KU mengucapkan:

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ

Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ menjawab: Hadza bayni wa bayna abdi, wali abdi wa saala (inilah bahagianku dan bahagian hambaku yang dimintanya)

Apabila hamba-KU mengucapkan:

أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ

Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ menjawab: Hadza li abdi, wali 'abdi ma saala (inilah bahagian hambaku, untuk apa yang dimintanya)

Selanjutnya kita ucapkan "Aamiin" dengan ucapan yang lembut, sebab Malaikat pun sedang mengucapkan hal yang sama dengan kita. Barang siapa yang ucapan "Aamiin-nya" bersamaan dengan para Malaikat, maka Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ akan memberikan keampunan kepada hambaNya."

Kadang kala kita terdengar ada yang membaca *Maaliki yau middin* (dua harakat pada perkataan “Maalik”) dan ada yang membacanya *Maliki yau middin* (satu harakat pada perkataan “Malik”). Kita yang mempunyai sedikit ilmu tajwid janganlah mudah hendak membetulkan orang walaupun kita tahu dan pernah dengar kalau Al-Fatihah dibaca dengan salah, maka solatnya tidak sah. “Mim” dua harakat pada *Maaliki* membawa maksud Allah itu Penguasa atau Raja. Manakala bagi “Mim” yang dibaca satu harakat membawa maksud bahawa Allah itu Pemilik hari akhirat. Dan kalau kita perhatikan, hari akhirat disebut sebagai *Yaumiddin*.

Kita faham bahawa *din* biasanya dirujuk kepada agama Islam kerana Allah SWT ada menyebut *din* atau agama yang diterima ialah Islam. Dengan pengetahuan sedikit tentang *din*, kadangkala kita lupa Allah SWT ada menyebut di bahagian akhir Surah Al-Kafirun “kamu dengan agama kamu (bukan Islam)”, yang mana perkataan *din* juga digunakan di sini.

Pendeknya, kalau kita bukan ilmuwan ataupun ulama, eloklah kita lebih banyak menutup mulut dan bersopan apabila berdepan dengan cara amalan yang kita nampak berbeza dengan kita kerana ulama-ulama amat memahami perbezaan berkenaan dan mereka amat menghormati pandangan ulama ataupun mazhab yang lain. Kita sering dengar cerita bagaimana Imam Syafi’e tidak membaca Doa Qunut ketika menjadi imam solat Subuh di kawasan Imam Malik walaupun Imam Syafi’e menuntut bacaan Doa Qunut sebagai Sunat Ab’ad.

InsyaaAllah, kita akan sambung perbincangan ayat-ayat lain bagi meneruskan perkongsian kita tentang Surah Al-Fatihah ini.

g) Surah Al-Fatihah (Bahagian 2): Individu Berilmu dan Beramal

Sebagaimana yang kita tahu, Surah Al-Fatihah mengandungi 7 ayat, dan ia merupakan antara 5 surah pertama yang diwahyukan bersama-sama dengan Surah Al-Alaq, Surah Al-Mudassir, Surah Nun atau Al-Kalam yang banyak mengandungi perbincangan tentang tauhid, kerasulan, dan hari akhirat. Dalam perbincangan sebelum ini, kita telahpun menyentuh tentang 4 ayat terawal Surah Al-Fatihah, atau menurut sesetengah pandangan, 3 ayat sahaja, kerana Bismillah tidak dimasukkan sebagai salah satu daripada ayat Surah Al-Fatihah itu.

Tema yang kita sentuh sebelum ini ialah jangan suka menidakkan amalan orang lain, kerana sebagai orang awam, ilmu kita sangatlah cetek. Malahan, Surah Al-Fatihah itu bukan setakat mempunyai 4 nama, yang kita sebut sebelum ini, malahan banyak lagi selain daripada Al-Fatihah, Ummul Kitab, Ummul Quran, dan 7 ayat yang diulang-ulang yang telah kita katakan sebelum ini. Imam as-Suyuti misalnya, telah mengumpulkan lebih daripada 20 nama Surah Al-Fatihah yang pernah disebut oleh para sahabat, ataupun para tabi'in. Ini termasuklah Asy-Syifa', Al-Waqiah (Bukan al-Waqi'ah), dan banyak lagi. Nama As-Syifa' diambil daripada bakat seorang sahabat menyembuh penyakit dengan membaca surah berkenaan apabila seorang remaja perempuan meminta para sahabat berkenaan mengubati ahli kaumnya.

Ayat yang akan dibincang seterusnya merupakan bahagian ke-2 Surah Al-Fatihah, menurut kebanyakan ulama yang membahagikan Al-Fatihah kepada 3 bahagian. Pertama, yang berhubung langsung dengan Allah SWT. Kedua, mengenai hubungan manusia dengan Allah SWT. Dan bahagian ketiga, berhubung dengan manusia sahaja.

Permulaan bahagian kedua yang merupakan ayat ke-5 berdasarkan mazhab Syafi'e, adalah seperti berikut:

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ

Hanya kepada-Mu lah Kami beribadah dan hanya kepada-Mu lah Kami meminta pertolongan

Ayat ini mempunyai dua komponen, iaitu tentang perlakuan atau ibadah kita, dan penyerahan kita kepada Allah SWT, yakni tawakkul. Ibadah, sebagaimana yang kita fahami, mengandungi dua bahagian iaitu yang khusus seperti sembahyang dan puasa, dan yang bersifat harian, dengan syarat ianya dilakukan dengan dua prinsip yang berikut. Pertama, dilakukan kerana Allah SWT. Kedua, mengikut syariah dan sunnah Rasulullah SAW. Ertinya, sekiranya kita bekerja kerana Allah SWT, dan memastikan syariah dan Sunnah Rasulullah SAW dipatuhi, ianya juga dikira sebagai ibadah.

Pernah suatu ketika, orang Muhajirin memberitahu tentang kelebihan orang Ansar, yang mana bukan sahaja boleh bersembahyang dan berpuasa sama seperti Muhajirin, tetapi boleh bersedekah kerana mempunyai wang yang lebih. Nabi memberi motivasi kepada orang Muhajirin dengan menyebut, memberi air kepada jiran adalah sedekah, senyum adalah sedekah, malah Nabi juga ada menyebut hubungan intim antara suami dan isteri juga adalah sedekah. Pendeknya, ini semua juga merupakan ibadah sekiranya dilakukan kerana Allah SWT.

Ibnu Qayyim pernah membahaskan ayat ini sahaja dalam 3 jilid setebal hampir 900 halaman bagi menunjukkan betapa mendalamnya ayat pertengahan Surah Al-Fatihah ini yang menemukan perbincangan tentang kekuasaan Allah SWT dengan perbincangan kebergantungan manusia kepada Allah SWT.



Membincangkan tentang “Iyyaka na’budu wa iyyaka nasta’in” sahaja, Ibnu Qayyim al-Jauziyyah (1292-1350), menghuraikan dengan panjang lebar iaitu sebanyak 3 jilid, bagi membolehkan kita faham apa yang dimaksudkan dengan ibadat, dan apa yang dimaksudkan dengan tawakkul.

Dengan membaca ayat-ayat ini, kita seharusnya dapat membangkitkan perasaan betapa abdi dan kerdilnya kita di hadapan Allah SWT, dan Allah lah tempat kita bergantung untuk sebarang pertolongan. Kepada seorang hamba Allah yang takut dengan masa depan anak-anaknya kerana beliau mendapat penyakit dan bimbangkan kematiannya, baginya, beliau risau apabila beliau mati nanti, siapakah yang akan menjaga dan memberi rezeki kepada anak-anaknya? Kita haruslah yakin bahawa kita pada saat ini sekalipun berada di bawah jagaan dan pemberian rezeki Allah SWT. Mengapa kita hendak merasai bahawa tanpa kita tidak ada yang menjaga dan memberi rezeki kepada anak-anak kita?

Bahagian seterusnya Surah Al-Fatihah ini adalah mengenai manusia yang dibahagikan kepada tiga golongan, iaitu yang diberikan ilmu dan beramal dengan sempurna, yang diberikan ilmu tetapi enggan beramal, dan yang ketiga, yang beramal tanpa ilmu. Surah Al-Fatihah ini sememangnya diamalkan secara berbeza dari segi bacaan di dalam sembahyang berjemaah. Semua mazhab bersetuju bahawa wajib membacanya pada setiap rakaat apabila solat secara individu. Tetapi, ianya

berbeza ketika berjemaah. Ianya juga berbeza dalam sembahyang jemaah Zohor dan Asar, di mana bacaannya perlahan, manakala pada waktu Maghrib, Isyak dan Subuh bacaannya digalakkan kuat.

Apakah yang patut dilakukan oleh makmum; membacanya atau tidak membacanya ketika imam membaca ayat berkenaan? Menurut mazhab Hanafi, makmum tidak perlu membacanya langsung, kerana imam telah membacanya. Memadailah dengan mengikut hukum-hukum Fi'li atau perbuatan yang lain. Menurut mazhab Hanbali, perlu membacanya ketika sembahyang Zohor dan Asar, kerana imam membacanya dengan perlahan, tetapi tidak perlu membaca Al-Fatihah pada sembahyang Maghrib, Isyak dan Subuh, kerana tidak membaca ketika bacaan sedang dilakukan oleh Imam adalah dituntut. Mengikut mazhab Imam Syafi'e kita pula, kita disuruh agar tidak membaca Al-Fatihah ketika imam sedang membacanya, tetapi wajib membacanya selepas bacaannya habis.

Sekiranya ada rakan kita yang mengatakan kita tidak boleh membaca ayat al-Quran ketika imam sedang membaca ayat al-Quran dengan kuat kerana ada ayat al-Quran yang melarangnya untuk berbuat demikian, maka kita perlulah berlapang dada. Lagipun, sebagaimana yang kita sebut tadi, kita bukan ulama, sedangkan ulama pun menghormati pandangan orang lain. Kita mengikut pandangan Imam Syafi'e, kerana kita tahu beliau sangat teliti dan sangat berserah kepada Allah SWT sebagaimana dalam kisah apabila ditanya tentang kaki keldai yang dinaiki, dan kekuatan rasa syukur yang diberikan Allah SWT yang dibincangkan sebelum ini. Ilmu yang berbeza ini penting, kerana ayat yang seterusnya mengatakan:

اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ

Tunjukilah kami jalan yang lurus

Perkataan “*Thdina*” yang merujuk kepada perkataan Hada atau Hidayah pernah dibahasakan secara panjang lebar. Malah, pada abad ke-5 hijrah, ada ulama Parsi yang membuat kamus bagi menghuraikan makna-makna perkataan dalam al-Quran. Pemberian dalam bentuk ilmu disebut hidayah, manakala pemberian dalam bentuk material disebut hadiah, kedua-duanya mempunyai kata dasar yang sama.

Apabila kita memohon kepada Allah SWT supaya ditunjukkan jalan yang lurus dengan diberikan hidayah ini, ulama ada menyebut empat jenis hidayah. Pertama, *common sense*; dengan menggunakan akal, kita akan mempunyai kompas moral bagi mengetahui yang baik dan buruk. Kedua, ilmu dari hadis dan sunnah Nabi untuk membantu amalan kita. Ketiga, ilmu dari al-Quran bagi memperkukuhkan tauhid, fiqah dan pengajaran daripada kisah silam. Keempat, ilmu atau hidayah yang membolehkan kita masuk ke dalam syurga, Wallahua'lam.

Apabila kita berbeza amalan dan pandangan, mengikut mazhab-mazhab di atas tadi, sewajarnya tidak ada rasa curiga dalam diri kita tentang diri kita dan orang lain, kerana ilmu Allah itu sangat luas. "*Ihdinas siratal mustaqim*" adalah bentuk doa, yang mana apabila kita membaca ayat ini, kita harus membangkitkan perasaan yang kita benar-benar berdoa kepada Allah SWT supaya ditunjukkan jalan yang lurus, yakni jalan yang benar. Jalan yang benar hanyalah satu sahaja, malah perkataan Sirat dalam al-Quran tidak pernah ditulis dalam bentuk majmuk.

Dalam pada masa yang sama juga, kita haruslah berhati-hati dengan falsafah *pluralism* agama yang percaya bahawa semua agama adalah benar. Bagi mendapat pedoman tentang bagaimanakah jalan yang benar itu, ayat seterusnya berbunyi berikut:

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ

Jalan orang-orang yang telah Engkau beri nikmat kepada mereka; bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan (pula jalan) mereka yang sesat.

Ayat ini merupakan ayat yang ke-7 dalam mazhab Syafi'e, tetapi ayat ke-6 dan ke-7 bagi beberapa mazhab lain. Maknanya, bagi mazhab yang lain, ayat ke-6 berhenti di "*an'amta 'alaihim*" dan ayat ke-7 bermula dengan "*Ghairil maghdubi alaihim*"

Jalan yang dimaksudkan di sini ialah jalan para Nabi, para siddiqin, para syuhada' dan para solihin, yang mana kisah-kisah mereka ada diceritakan dalam al-Quran. Selain daripada Nabi dan para syuhada', kita pernah dengar tentang kisah Ashabul Kahfi, kita pernah dengar tentang kisah Habib An-Najjar dalam Surah Yasin yang dimasukkan ke dalam syurga, dan lain-lain. Habib An-Najjar, sekiranya sumbernya adalah dari Israilliyat, bolehlah kita menggunakan prinsip "*fala tusoddiquhum, wala tukazzibuhum*" iaitu janganlah kita benarkan atau dustakan mereka. Mereka

inilah yang telah diberikan nikmat oleh Allah SWT. Dan nikmat yang terbesar adalah nikmat menjadi seorang Islam yang beriman.

Ayat yang seterusnya menceritakan kumpulan yang diberikan ilmu, tetapi enggan beramal serta yang beramal tanpa ilmu. Sekiranya kita telah diberi ilmu oleh Allah SWT dengan pelbagai ilmu, baik ilmu tentang ibadat khususnya, mahupun tentang ilmu yang lain tetapi kita enggan beramal, tentulah kita akan mendapat kemurkaan pelbagai pihak. Menurut Syeikh Yasir Qadhi, mereka yang dimurkai di atas dan yang sesat seringkali tidak tepat apabila diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris, kerana tidak seperti perkataan *an'amta* (yang Allah beri nikmat), perkataan *maghdu* dan *Dhaalliin* umum sifatnya. Ini kerana dari segi adab, setiap perkara yang baik diberikan kepada manusia, kita akan sebut ianya datang daripada Allah SWT, tetapi yang buruknya disebut secara umum, atau disebabkan oleh kelemahan kita.

Lihat sahaja bagaimana adab Nabi Adam berdoa, berbanding dengan Iblis, apabila diperintahkan turun ke muka bumi. *Rabbana Zalamna anfusana*, yang mana Adam menyebut bahawa dia telah menzalimi dirinya, tetapi Iblis menyebut, “Engkau yang menyebabkan aku menjadi engkar”, Wallahua’lam. Maka tidak bolehlah diterjemah sebagai dimurkai Allah dan dibiarkan sesat oleh Allah.

An'amta adalah orang yang berilmu dan beramal. *Al-Maghdu* adalah orang yang berilmu tetapi enggan beramal. *Al-Dhaalliin* adalah orang yang beramal tanpa ilmu. Ketiga-tiga kumpulan inilah yang dimaksudkan dalam perbahasan konteks Al-Fatihah sebagai *ummul kitab*, kerana ia memberi pedoman tentang kumpulan manusia yang diberi hidayah untuk menuju ke jalan yang lurus. Kita pernah mendengar bahawa ada orang yang menterjemahkan *al-Maghdu* ini sebagai orang Yahudi, dan *al-Dhaalliin* ini sebagai orang Kristian, Wallahua’lam.

Kita seelok-eloknya tidak mudah untuk terus percaya atau tidak percaya mengenai perkara seperti ini. Namun begitu, Ustaz Nouman Ali Khan, ketika menghuraikan ayat ini, ada menyebut bahawa fokus ayat ini ialah kumpulan yang dimurkai kerana berilmu tetapi enggan beramal, dan tidak merujuk kepada mana-mana kumpulan manusia secara spesifik.



Nouman Ali Khan, seorang ustaz yang masih muda dan bertenaga untuk menggali khazanah al-Quran dengan melihat aspek kesusasteraan dan bahasa pada setiap perkataan dan ayat al-Quran, termasuk Surah Al-Fatihah dalam keadaan di mana sesetengah sarjana menyebut, “little can be extracted from the Quran through diving into the meaning of each verse, except for a new paradigm”.

Manakala fokus golongan yang sesat adalah yang beramal tanpa ilmu, juga tidak merujuk kepada mana-mana kumpulan secara spesifik. Namun begitu, oleh kerana ada banyak perbahasan pada zaman silam bahawa kumpulan-kumpulan berkenaanlah yang enggan beramal serta beramal tanpa ilmu, maka sebahagian ulama merujuk ayat-ayat ini kepada orang Yahudi dan Nasrani (Kristian), Wallahua’lam.

Perkara terakhir yang juga menyebabkan sesetengah kita berselisih tentang bacaannya ialah kalimah *Aameen*. Adakah boleh dipanjangkan pada “Aa” nya, atau pada “Meen” nya, dan lain-lain lagi. Umumnya, menurut Syeikh Yasir Qadhi, tiada masalah memanjangkan pada kedua-duanya, asalkan tidak disabdikan pada huruf “mim” tersebut. Tetapi, yang lebih penting, ianya hendaklah dibaca serentak dengan imam, kerana serentak dengan itu juga, para Malaikat turut meng-Aminkan doa-doa yang kita baca dalam Surah Al-Fatihah, khususnya ayat “*Ihdinassiratal mustaqim*” sehingga habis surah tersebut.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

InsyaaAllah, setakat ini sahaja perbincangan kita. Sebagaimana yang kita sebut di awal bahagian satu tadi, kita bukan sahaja ingin memanfaatkan ilmu yang ada dalam Surah Al-Fatihah ini, tetapi kita juga mahu mengikis prasangka buruk kita terhadap amalan sahabat-sahabat kita, khususnya yang berasal daripada negara seperti Afrika dan Eropah, kerana mereka mempunyai mazhab berbeza. Kita daripada mazhab Syafi'e pun mempunyai banyak pilihan, malah ulama di negara kita pun banyak mengeluarkan pandangan dalam sesuatu perkara yang khusus, membenarkan kita mengamalkan beberapa perkara mazhab lain, Wallahua'lam.

h) Surah Al-Baqarah dan Al-A'raf: Kekuatan Logik Kritis Boleh Menggelapkan Hati

Sebagai anak, kita mungkin pernah bertanya kepada bapa kita soalan-soalan seperti “Kenapa ayah beli rumah yang jauh daripada tempat kerja?” Soalan seumpama ini boleh datang daripada dua logik yang berbeza. Logik yang pertama lebih berbentuk *protest* kerana tidak suka rumah yang jauh daripada tempat kerja. Logik yang kedua lebih berbentuk ingin tahu (*curiosity*) dan tidak ada langsung niat untuk *protest*.

Kita juga mungkin pernah tanya soalan yang berikut:

“Bukankah Allah telah mengetahui sebagaimana yang telah tertulis bahawa seseorang itu akan melakukan kemaksiatan atau sebaliknya? Mengapakah orang itu dimasukkan ke dalam api neraka?”

Soalan ini juga mempunyai dua logik sepertimana yang di atasnya. Logik yang kritis dan rasa ingin tahu (*curiosity*) yang mendalam. Sebagai anak, apatah lagi hamba Allah SWT, kita sewajarnya beradab dan tidak memprotes, apatah lagi tentang ketentuan Allah.

Dalam Surah al-Baqarah dan Surah al-A'raf, ada diceritakan tentang kebiadaban Iblis, *curiosity* Malaikat dan betapa beradab dan rendah dirinya Nabi Adam AS. Dalam ayat 30 Surah al-Baqarah, Allah ada memberitahu para Malaikat bahawa Ia akan menjadikan manusia di muka bumi ini sebagai khalifah. Khalifah di sini, menurut ulama, mempunyai dua maksud yang mana satu daripadanya ialah generasi yang akan saling ganti-mengganti. Ayatnya adalah seperti berikut:


وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ۗ

Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi".

(Sebahagian daripada Al-Baqarah: 30)

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Apabila mendengar ayat ini, Malaikat menjadi ingin tahu mengapa Allah hendak menjadikan makhluk di muka bumi. Pertanyaan ini dibuat kerana sebelum ini makhluk yang diciptakan di bumi itu berperang-perang dan berlaku pergaduhan sesama mereka, sebagaimana yang ada diceritakan dalam kitab-kitab lama. Ibn Kathir, sebagaimana yang diceritakan oleh kebanyakan orang alim, ada menyebut bahawa sebelum ini telah dicipta makhluk jin di muka bumi ini yang telah melakukan kerosakan.



Ibnu Kathir (1301-1373) terkenal dengan pelbagai ilmu, termasuk ilmu tafsir al-Quran, selain daripada Fakhruddin ar-Razi (1149-1209). Melalui terjemahan-terjemahan mereka inilah pelbagai konsep tauhid yang berkaitan dengan dialog penciptaan Nabi Adam AS antara Tuhan, Malaikat, Iblis, serta Nabi Adam, banyak kita pelajari.

Apabila diberitahu bahawa Allah tahu apa yang Malaikat tidak tahu, Malaikat semuanya tunduk dan taat dengan keputusan Allah itu. Sambungan ayat 30 menerangkan tentang *curiosity* Malaikat dan bagaimana respon Allah kepadanya.

قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۗ قَالَ إِنِّي
أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Mereka berkata: "Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerusakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui". (Sebahagian daripada Al-Baqarah: 30)

Sikap Malaikat yang tunduk terus ditunjukkan dalam ayat-ayat Surah al-Baqarah itu. **Namun, perkara pokok yang hendak ditekankan di sini ialah perihal makhluk, yakni Adam, yang akan diturunkan di bumi telahpun tertulis sejak awal lagi sebelum penciptaan Adam itu sendiri.**

Apabila Adam telahpun dicipta, maka makhluk di langit telah pun diperintahkan untuk bersujud sebagai tanda hormat kepada Adam AS. Malaikat yang ikhlas bertanya kerana *curiosity* di awal tadi bersujud tetapi Iblis enggan kerana merasa diri dan kejadiannya hebat. Lalu, dalam Surah al-Baqarah, Allah ada mewahyukan tentang keengganan Iblis untuk bersujud itu.

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَىٰ وَاسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ

Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada para Malaikat: "Sujudlah kamu kepada Adam," maka sujudlah mereka kecuali Iblis; ia enggan dan takabur dan adalah ia termasuk golongan orang-orang yang kafir. (Surah Al-Baqarah: 34)

Iblis, dengan menggunakan logik kritikalnya, memprotes tentang kejadiannya berbanding dengan kejadian Adam. Adam dijadikan daripada tanah dan ia dijadikan daripada api. Mengapakah kejadian yang lebih mulia perlu bersujud kepada kejadian yang daripada tanah itu? Lagipun Iblis tahu dia sudah lama beribadat dan darjatnya dinaikkan dari satu langit ke satu langit sehingga langit yang tertinggi, mengatasi darjat Malaikat. Berikut ialah ayat 12 Surah al-A'raf yang menerangkan mengenai pertanyaan kepada Iblis tentang keengganannya untuk sujud kepada Adam:

(12) قَالَ مَا مَنَعَكَ إِلَّا تَسْجُدَ إِذْ أَمَرْتُكَ قَالَ أَنَا خَيْرٌ مِنْهُ خَلَقْتَنِي مِنْ نَارٍ وَخَلَقْتَهُ مِنْ

طِينٍ

Allah berfirman: "Apakah yang menghalangimu untuk bersujud (kepada Adam) di waktu Aku menyuruhmu?" Menjawab Iblis "Saya lebih baik daripadanya: Engkau ciptakan saya daripada api sedang dia Engkau ciptakan daripada tanah. (Al-A'raf: 12)

Kengganannya Iblis ini telah mendatangkan kemurkaan Allah SWT dan ia telah tersesat daripada pedoman Allah. Seorang anak yang memprotes bapanya kerana terpaksa berpindah ke rumah yang jauh daripada tempat kerja bapanya mungkin akan enggan membantu bapanya di tempat kerja sekiranya diminta, atas alasan bahawa keputusan untuk berpindah itu adalah keputusan bapanya sahaja. Soalannya, bolehkan anak itu berkata dia enggan atau malas untuk membantu bapanya disebabkan oleh keputusan bapanya itu? Iblis yang biadab menyalahkan Allah SWT sehingga menyebabkan dia menjadi begitu dan mahu terus memprotes dengan menghasut Adam dan cucu-cicitnya sehinggalah ke Hari Kiamat.

Ayat yang memberitahu tentang *protest* itu adalah seperti berikut:

(16) قَالَ فَبِمَا أَغْوَيْتَنِي لَأَقْعُدَنَّ لَهُمْ صِرَاطَكَ الْمُسْتَقِيمَ

Iblis menjawab: "Kerana Engkau telah menghukum saya tersesat, saya benar-benar akan (menghalang) mereka dari jalan Engkau yang lurus." (Al-A'raf: 16)

Menurut Ustaz Nouman Ali Khan, sikap Iblis dan Malaikat sangat kontras dalam isu ini. Iblis sudahlah enggan bersujud, kemudian menyalahkan Tuhan kerana telah menyesatkannya dan seterusnya membuat iltizam pula untuk menyesatkan makhluk yang sepatutnya dia muliakan. Malaikat sebaliknya sentiasa taat.

Pendeknya, jika seseorang anak yang bertanya kepada bapanya tadi ikhlas ingin tahu mengapa bapanya membeli rumah yang jauh daripada tempat kerja, ia akan dapat menerima sebarang

penjelasan bapanya, lebih-lebih lagi dia tahu bapanya lebih tahu daripada dirinya. Justeru, tidak ada rasa malas atau memprotes sekiranya bapanya memintanya membantunya di tempat kerjanya. Sebagaimana yang kita ketahui, Adam dan Hawa telah pun diberi kebenaran untuk tinggal di syurga, tetapi dilarang untuk menghampiri sebatang pokok.

وَقُلْنَا يَا آدَمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ وَكُلَا مِنْهَا رَغَدًا حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا تَقْرَبَا هَذِهِ
الشَّجَرَةَ فَتَكُونَا مِنَ الظَّالِمِينَ

Dan Kami berfirman: "Hai Adam, diamilah oleh kamu dan isterimu surga ini, dan makanlah makanan-makanannya yang banyak lagi baik di mana saja yang kamu sukai, dan janganlah kamu dekati pohon ini, yang menyebabkan kamu termasuk orang-orang yang zalim. (Al-Baqarah: 35)

Sebagaimana yang kita tahu, selepas beberapa hasutan, Adam dan Hawa telah makan buah daripada pokok itu. Adam dan Hawa akhirnya juga melanggar perintah Allah akibat hasutan Iblis itu.

Sebelum ini, kita telah melihat kontras antara watak Iblis (logik kritikal untuk protes) dan watak Malaikat (logik ingin tahu) dengan mengaitkan cerita seorang anak dan bapa. Bagaimana pula halnya dengan persoalan kedua (tentang hamba Allah yang menanyakan “Bukankah setiap sesuatu itu telah diketahui oleh Allah sepertimana yang tertulis? Maka, mengapa hamba yang melakukan maksiat dicampakkan ke dalam api neraka?”) (satu soalan yang kita bangkitkan di awal tadi) Apabila Adam dan Hawa melanggar perintah Allah, ia telah pun diperintahkan untuk turun ke muka bumi sebagai suatu hukuman untuknya. Perhatikan watak Adam dan Hawa berbanding dengan watak Iblis apabila kedua-duanya melakukan pelanggaran terhadap perintah Allah SWT. Adam menyesal dengan perbuatannya lalu berdoa setelah diajarkan doa berkenaan, dan doa tersebut adalah seperti berikut:

قَالَ رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنْفُسَنَا وَإِنْ لَمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Keduanya berkata: "Ya Tuhan kami, kami telah menganiaya diri kami sendiri, dan jika Engkau tidak mengampuni kami dan memberi rahmat kepada kami, niscaya pastilah kami termasuk orang-orang yang merugi." (Al-A'raf:23)

Watak Adam yang sangat beradab dan taat dengan penciptanya sesuai dengan dirinya yang dijadikan sebagai hamba Allah. Sekiranya Adam ingin memprotes, ia boleh mempunyai banyak hujah yang sangat logik untuk enggan meminta keampunan daripada Allah kerana sebagaimana yang kita sebut dalam ayat 30 di awal tadi, Allah SWT sejak awal lagi akan menjadikan makhluk manusia, Adam dan Hawa, serta generasinya di atas muka bumi. Adam boleh sahaja bersifat kritikal dan memprotes dengan mengatakan "Bukankah sememangnya sudah tertulis bahawa aku akan dihukum turun ke bumi? Maka, perihal aku dan Hawa memakan pohon yang terlarang itu hanyalah perancanganMu sahaja, ya Allah?" Dan banyak lagi logik kritikal lain yang boleh dikemukakan. Tetapi sebaliknya, sebagaimana yang kita sentuh tadi, Adam tahu kedudukannya sebagai hamba. Ia memohon keampunan Allah SWT dan bertaubat.

Di rumah, jika kita sedar kedudukan kita sebagai anak, maka wajarlah kita taat kepada kedua ibu bapa kita tanpa terlalu banyak kritikal dengan keputusan mereka. Sebagai hamba Allah, tentulah kita lebih wajib taat dan tidak mempunyai hak langsung untuk bersifat kritikal.



Jeffrey Lang pernah menceritakan, antara sebab beliau memeluk agama Islam, adalah melalui bacaannya terhadap dialog antara Allah SWT, Malaikat, Iblis dan Nabi Adam AS dalam Surah

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

al-Baqarah ini. Sebagai pakar bidang matematik, beliau pernah menyebut, kenapa hendak mengemukakan soalan seperti berikut, sekiranya dalam bentuk triangle ada tiga sudut, ada berapakah sudut pada garis lurus? Beliau ingin menerangkan bahawa soalan-soalan kita sebenarnya yang tidak logik, bukannya apa yang Allah SWT buat itu tidak adil.

Ini bukanlah bermakna kita tidak boleh bertanya tetapi bertanyalah sebagaimana Malaikat bertanya kepada Allah. Pada usia kita sekarang ini (50 misalnya), berapa kalikah kita telah kritikal terhadap ibu bapa kita sehingga melukakan hati mereka dan berapa kalikah kita telah kritikal kepada Allah SWT? Berapa kali pulakah kita telah memohon ampun kepada ibu bapa kita dan bertaubat kepada Allah?

Untuk catatan, terdapat satu gerakan di Barat yang darjah kritikalnya terhadap Allah dan Quran sudah tidak tahu bagaimana untuk disebut lagi (Nauzubillah huminzalik). Menurut gerakan ini, Iblis enggan bersujud kepada Adam kerana Iblis mempunyai ilmu akidah yang sangat tinggi. Bukankah Allah melarang hambanya untuk bersujud kepada makhluk? Menurut kumpulan ini lagi, Tuhan telah kontradik dengan diriNya apabila menyuruh penduduk langit untuk bersujud kepada Adam. Iblis ingkar kerana Tuhan telah kontradik dengan diriNya. Nauzubillah huminzalik.

Kita telah banyak didedahkan dengan pemikiran logik, pemikiran kritikal dan pemikiran yang tidak berteraskan ketuhanan yang lain. Gerakan di atas mengingatkan kita tentang satu hadis yang menyebut adanya Syaitan di kalangan manusia, sebagaimana yang berikut:

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada Sahabat Nabi Abu Dzar, Nabi SAW telah bersabda;

"Wahai Abu Dzar, mohonlah perlindungan Allah daripada kejahatan Syaitan manusia dan Syaitan jin". Aku bertanya, " Wahai Rasulullah, apakah Syaitan manusia itu ada?" Nabi SAW menjawab, "Ya ada".

Mudah-mudahan melalui perkongsian ini, kita dapat sedikit sebanyak memperolehi cahaya ilmu dan hati kita tidak digelapkan supaya kita sentiasa taat melakukan apa yang diperintahkan dan

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

menjauhi apa yang dilarang dan tidak terlalu banyak bersoal serta kritikal dengan Qada' dan Qadar kita.

i) Surah Yasin: Mereka yang Buta Pedoman (Sejarah, Peristiwa Depan Mata dan Wahyu)

Bersyukur kita kepada Allah SWT dengan pelbagai nikmat yang telah diberikan Dan diantara nikmat-nikmat yang tidak terhitung banyaknya itu, nikmat menjadi hamba Allah yang beriman dan Islam adalah nikmat yang paling tinggi. Ini kerana, amatlah malang seseorang itu jika Allah SWT tidak memilih dia menjadi seorang yang beriman dan Islam.

Kita tahu semakin ramai orang-orang di barat khususnya, yang bukan sahaja menolak akan berlakunya hari kebangkitan semula, tetapi lebih buruk lagi, menolak akan kewujudan Tuhan Rabbul Jalil. Kita mungkin pernah mendengar nama seperti Richard Dawkins, David Silverman, iaitu para pendokong fahaman Atheist, yang memperkecilkan tentang adanya Tuhan, malah, mempersendakannya pula. Perkara ini bukanlah suatu yang baharu, kumpulan yang menolak tentang adanya Tuhan yang disebut sebagai golongan *naturalist* telah ada sebelum zaman keagungan pemikiran Greek, mulai Socrates itu lagi. Khususnya, pada zaman Nabi Muhammad SAW itu sendiri, sungguhpun orang Musyrikun percaya akan Allah atau Tuhan, tetapi mereka menolak akan adanya hari kebangkitan semula.

Kita pernah dengar Al-'As ibnu Wa'il, iaitu ayah kepada Amru al-'As, atau Ubay bin Ka'ab, yang pernah menunjukkan tulang yang sudah rapuh di depan Nabi, dengan mengatakan, adakah tulang seperti ini akan dibangkitkan di akhirat nanti? Peristiwa ini ada dirakamkan dalam Surah Yasin, dan InsyaaAllah pada perkongsian kita kali ini, kita hendak melihat bagaimana Nabi SAW diberi motivasi oleh Allah SWT ketika berdepan dengan golongan yang tidak percaya dengan hari kebangkitan semula.

Surah Yasin sebagaimana yang kita ketahui, mengandungi 83 ayat, dan dalam kalangan Surah Makkiyah. Nabi bukan sahaja telah dipersendakan, pernah satu ketika, berdepan dengan kekerasan fizikal, apabila Utbah Ibnu Rabi'ah mencekik Nabi dalam suatu peristiwa keadaan ketidakkawalan emosi. Kemudiannya Abu Bakar datang cuba membantu Nabi, dan akibatnya Abu Bakar pula dibelasah sehingga pengsan. Allah SWT sebagaimana dalam ayat ke-8 Surah Yasin, memberi

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com


gambaran tentang ketidakmungkinan orang-orang yang tidak diberi hidayah oleh Allah SWT untuk mendapat petunjuk, dengan menyebut, lehernya terbelenggu sehingga kepalanya terdongak.

Ayat 8 berkenaan adalah seperti berikut:

إِنَّا جَعَلْنَا فِي أَعْنَاقِهِمْ أَغْلَالًا فَهِيَ إِلَى الْأَذْقَانِ فَهُمْ مُقْمَحُونَ

Sesungguhnya Kami jadikan di batang leher mereka belenggu yang memberkas kedua tangan mereka sampai ke dagu mereka lalu jadilah mereka terdongak. (Yasin: 8)

Ustaz Nouman Ali Khan menghuraikan bahawa ayat ini harus difahami dalam konteks sastera dan puisi lama orang-orang Quraisy. Ia adalah simbolik ataupun metafora yang menunjukkan, apabila leher seseorang itu telah diletakkan besi, ia akan terdongak, dan ia tidak akan memungkinkan seseorang itu dapat melihat bahagian belakangnya dan bahagian depannya, melainkan atas sahaja. Oleh itu, orang yang tidak dipilih untuk mendapat petunjuk oleh Allah SWT, menurut Ustaz Nouman, adalah mereka yang tidak dapat mempelajari pedoman daripada peristiwa-peristiwa sejarah, dan tidak dapat mempelajari perkara-perkara yang ada di depan matanya.



Mudah-mudahan kita dijauhkan daripada dibelenggu leher kita, lebih-lebih lagi ditutup pula mata. Inilah gambaran orang yang buta fakta sejarah dan petunjuk wahyu.

Malah dalam Surah Yasin, ayat seterusnya nanti, Allah SWT memberitahu bahawa mata mereka inipun ditutup, sehinggakan ia tidak dapat pelajaran daripada ilmu wahyu. Ayat berkenaan adalah seperti yang berikut:

وَجَعَلْنَا مِنْ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ سَدًّا وَمِنْ خَلْفِهِمْ سَدًّا فَأَغْشَيْنَاهُمْ فَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ

Dan Kami jadikan sekatan di hadapan mereka, dan sekatan di belakang mereka (pada Hari Kiamat) lalu Kami tutup pandangan mereka hingga mereka tidak dapat melihat (jalan yang benar). (Yasin: 9)

Sungguhpun terdapat pelbagai tafsiran ayat 8 dan 9 di atas, Surah Yasin, menurut Ustaz Nouman Ali Khan, perlu difahami dalam konteks masyarakat Musyrikin pada masa itu, dan bagaimana mereka memahami puisi. Dalam Surah Yasin ini, gambaran orang yang enggan mempercayai tentang kebangkitan semula manusia ini, diceritakan juga, sebagaimana berlaku pada zaman sebelumnya, yang mana para utusan atau Rasul terdahulu telahpun dicemuh, malah ada yang hendak memukul dan merejam mereka dengan batu.

Bahagian kedua Surah Yasin menceritakan tentang penduduk Antakiyyah, satu kawasan di Turki, yang menurut Syeikh Yasir Qadhi, merupakan mereka yang ingkar dengan ajaran Nabi Isa. Mereka ini adalah dikalangan orang-orang Yahudi. Pengikut Nabi Isa AS kemudiannya menghantar utusan seramai 3 orang keseluruhannya, namun ketiga-tiganya ditolak kerana pada mereka, tidak akan dapat memberi faedah kepada mereka. Perkara ini dinyatakan dalam ayat ke-14 seperti berikut:

إِذْ أَرْسَلْنَا إِلَيْهِمُ اثْنَيْنِ فَكَذَّبُوهُمَا فَعَزَّزْنَا بِثَالِثٍ فَقَالُوا إِنَّا إِلَيْكُم مُّرْسَلُونَ

Ketika Kami mengutuskan kepada mereka dua orang Rasul lalu mereka mendustakannya. Kemudian Kami kuatkan dengan Rasul yang ketiga, lalu rasul-rasul itu berkata: “Sesungguhnya kami ini adalah diutuskan kepada kamu”. (Yasin: 14)

Kita tahu pada zaman Madinah kemudiannya nanti, orang-orang Bani Nadhir seperti Huyai al-Akhtab, (bapa Sofiyah) juga tidak mahu menerima Nabi, walaupun mereka mengetahui tentang risalah kerasulan. Orang-orang Yahudi, menurut Syeikh Yasir Qadhi, akan menerima Nabi itu jika

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

mereka memiliki ciri-ciri seperti Nabi Daud (David) atau Nabi Sulaiman (Solomon) yang mempunyai kekayaan dan kekuasaan. Utusan-utusan sebegitulah yang mereka tunggu, bukan utusan Nabi Isa, ataupun Nabi Muhammad SAW.

Nabi Muhammad SAW diberitahu akan peristiwa penduduk Antakiyyah ini, tentang betapa kuat sekalipun dakwah yang diberikan kepada mereka, mereka akan tetap tidak akan menerimanya, kerana lehernya telahpun terbelenggu, sehingga buta sejarah, fakta di depan matanya, dan tidak dapat menerima petunjuk daripada wahyu. Begitulah halnya dengan orang-orang Atheist, atau *Agnostic*.

Untuk catatan, Atheist adalah orang yang tidak percaya langsung dengan kewujudan Tuhan, tetapi berbeza dengan *Agnostic*, yang mungkin percaya tentang kewujudan Tuhan, tetapi tidak percaya akan adanya pembalasan di hari akhirat, sebagaimana yang ada dalam dakwah Islam. Peristiwa penduduk Antakiyyah ini, sedikit sebanyak meringankan beban Nabi, kerana Allah SWT memberitahu bahawa utusan-utusan terdahulu pun juga ditolak, serta dizalimi oleh penduduk-penduduknya. Lalu dalam Surah Yasin ini, diceritakan kemudiannya, datang seorang pemuda yang diberi nama Habib An-Najjar, untuk memberitahu penduduk Antakiyyah itu, supaya taat dan patuh kepada utusan-utusan yang bercakap benar.

Sungguhpun nama Habib An-Najjar tidak disebut dalam al-Quran, namun prinsip yang biasa digunakan adalah *La nukazzibuhum wala nuqassiduhum*, tidak kita dustakan atau kita benarkan fakta-fakta yang disebut dalam sumber-sumber lain, misalnya sumber Israiliyat. Apa yang menarik dalam Surah Yasin ini, diceritakan tentang pendirian Habib An-Najjar ketika menyampaikan dakwah, kerana beliau tidak mengkritik orang-orang yang ingkar, tetapi melihat ke dalam dirinya tentang betapa malang nasibnya sekiranya ia melakukan amalan-amalan orang Musyrikin itu. Perkara ini diterangkan dalam ayat 24 seperti berikut:

إِنِّي إِذَا لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

"*Sesungguhnya aku (kalau melakukan syirik) tentulah aku berada dalam kesesatan yang nyata*".

(*Yasin: 24*)

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Menurut catatan, beliau kemudiannya dipukul sehingga mati, lalu dimasukkan ke dalam syurga, dan para ulama' memberi contoh beliau sebagai pendakwah yang baik, kerana ketika telah berada di syurga pun, dia masih ingat tentang kaumnya. Ayat berikut menerangkan bagaimana beliau ketika berada di syurga:

قِيلَ ادْخُلِ الْجَنَّةَ قَالَ يَا لَيْتَ قَوْمِي يَعْلَمُونَ

Dikatakan (kepadanya): "Masuklah ke surga". Ia berkata: "Alangkah baiknya sekiranya kaumku mengetahui. (Yasin: 26)

Salah satu hujah golongan Atheist atau *Agnostic*, tentang sukar untuk menerima hakikat adanya Tuhan, adalah kerana logik akal tidak akan memungkinkan satu kesimpulan bahawa Tuhan itu mungkin wujud. Ini kerana, sekiranya kesemua pancaindera (iaitu 5) dimaksimakan, tidak ada bukti pun perkara yang ghaib itu wujud. Ini adalah petanda jika seseorang itu telah ditutup matanya, mereka bukan sahaja tidak dapat menerima adanya perkara yang ghaib sebagaimana petunjuk wahyu, mereka juga sebenarnya apabila telah terdongak terbelenggu, tidak dapat melihat kenyataan di depan mereka.

Dalam Surah Yasin ini, Allah SWT memberitahu tentang tiga hakikat kejadian yang sekiranya manusia itu tidak terbelenggu, dia akan dapat melihat tentang betapa Allah SWT itu boleh menghidupkan semula benda-benda yang sudah mati, atau mencipta benda-benda yang tidak pernah ada. Namun begitu, kerana ianya telah pun terbelenggu, maka tidak mungkin mereka dapat melihat perkara di hadapan mata mereka.

Ayat berikut menerangkan tentang tanda-tanda kebesaran Allah SWT di depan mata manusia:

وَأَيَّةٌ لَهُمُ الْأَرْضُ الْمَيْتَةُ أَحْيَيْنَاهَا وَأَخْرَجْنَا مِنْهَا حَبًّا فَمِنْهُ يَأْكُلُونَ

Dan dalil yang terang untuk mereka ialah bumi yang mati Kami hidupkan ia serta Kami keluarkan daripadanya biji-bijian itu mereka makan. (Yasin: 33)

Bagi mereka yang biasa di kawasan gurun, akan berasa pelik tiba-tiba satu kawasan itu selepas hujan lebat akan menjadi kawasan yang subur. Ayat di atas menerangkan bahawa Allah SWT boleh menghidupkan tumbuh-tumbuhan yang sebelumnya telah pupus di tanah yang tandus. Tetapi orang yang Atheist dan *Agnostic* tidak akan dapat melihat kenyataan ini, kerana lehernya telah terbelenggu, dan matanya telahpun ditutup. Disamping itu, Allah SWT bukan sahaja menunjukkan fenomena di darat, tetapi juga fenomena di angkasa atau di udara seperti di ayat yang berikut:

وَأَيَّةٌ لَهُمُ اللَّيْلُ نَسَلْنَا مِنْهُ النَّهَارَ فَإِذَا هُمْ مُظْلِمُونَ

Dan lagi dalil untuk mereka (berfikir) ialah malam, Kami hilangkan siang daripadanya, maka dengan serta merta mereka berada dalam gelap gelita. (Yasin: 37)

Dalam ayat ini, Allah SWT menerangkan fenomena di angkasa atau udara, dengan menceritakan bagaimana Allah SWT menciptakan siang dan malam silih berganti. Allah SWT juga memberitahu kekuasaannya di lautan dan juga di mana-mana sahaja sebagaimana pada ayat yang berikutnya pula:

وَأَيَّةٌ لَهُمْ أَنَّا حَمَلْنَا ذُرِّيَّتَهُمْ فِي الْفُلِكِ الْمَشْحُونِ

Dan satu lagi dalil untuk mereka ialah, Kami membawa belayar jenis keluarga mereka dalam bahtera yang penuh sarat. (Yasin: 41)

وَخَلَقْنَا لَهُمْ مِنْ مِثْلِهِ مَا يَرْكَبُونَ


Dan Kami ciptakan untuk mereka, jenis-jenis kenderaan yang sama dengannya, mereka dapat mengenderainya. (Yasin: 42)

Ayat kedua daripada bahagian ayat di atas menerangkan bagaimana Allah boleh mencipta perkara yang tidak ada kepada perkara yang ada, sebagaimana yang kita boleh lihat pada hari ini, baik kenderaan di lautan atau di udara yang tidak pernah terfikir oleh manusia terdahulu tetapi telah diberi ilham oleh Allah SWT untuk menciptanya.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Surah Yasin adalah surah yang ingin menampelak golongan yang tidak percaya kepada berlakunya hari kebangkitan semula. Ketiga-tiga tanda di atas sebenarnya amat mudah untuk diselami oleh orang-orang yang mendapat hidayah, kerana Allah SWT bukan sahaja boleh melakukan kesemua yang di atas, malah dengan kalimah *Kun Fayakun*, Jadi maka jadilah, sesuatu itu akan terjadi. Namun, orang-orang Atheist dan *Agnostic* yang telah terbelenggu lehernya dan tertutup matanya itu, walaupun telah berkali-kali didakwahkan oleh Baginda, mereka akan tetap tidak dapat mempelajari pedoman daripada sejarah masyarakat Antakiyyah (tidak dapat melihat ke belakang), dan tersekat daripada melihat fenomena daratan, angkasa dan lautan (tersekat pandangan hadapannya).

Bagaimanakah pendirian kita, sekiranya berdepan dengan orang-orang seperti Richard Dawkins, David Silverman, dan yang seangkatan dengannya? Sebagaimana Allah SWT telah memberitahu kepada Nabi Muhammad SAW, bahawa Baginda tidak akan dapat memberikan petunjuk kepada golongan yang telah dibelenggu lehernya itu, maka kita juga harus memahaminya sebegitu juga. Apa yang kita perlu jaga adalah tentang nikmat Iman dan Islam yang Allah SWT berikan kepada kita, untuk kita terus menjadi hamba Allah yang taat melakukan perintahNya dan menjauhi laranganNya.



Selepas pembukaan kota Mekah, hampir seluruh penduduk Mekah memeluk agama Islam. Justeru itu, kita jangan mudah memperlekehkan orang yang Atheist atau Agnostic seperti

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Richard Dawkins dan David Silverman itu, kerana sebagaimana yang telah Allah SWT tunjukkan, selepas pembukaan Kota Mekah itu, ramai musuh-musuh Islam yang ingkar dengan Tuhan, tidak percaya dengan hari-hari kebangkitan, juga dipilih untuk memeluk agama Islam. Sungguhpun begitu, janganlah pula banyak masa yang kita gunakan untuk memberikan tumpuan kepada hujah-hujah mereka, kerana apa yang perlu kita sibukkan adalah ketaatan kita kepada Allah SWT.

Kita tidak perlu sibuk dengan golongan Atheist dan *Agnostic* itu, kerana kita tidak tahu bagaimana hari kematian kita. Kita juga tidak tahu bagaimana hari kematian mereka juga, kerana dengan kehendak Allah, mereka mungkin diberikan hidayat dalam saat kematian itu. Maka lebih baiklah kita menumpukan ibadah dan kekuatan kita kepada Allah SWT, kerana Nabi sendiri pun tidak diminta untuk sibuk dengan orang-orang yang seperti itu. Wallahua'lam Bisawwab.

Mudah-mudahan kita mendapat iktibar daripada perkongsian ini, mudah-mudahan juga kita dapat menghafal Surah Yasin ini bagi mendapatkan keberkatannya.

j) Surah An-Nahl: Mengapa Merungut tentang Kasut, Sedangkan Ada Orang Kudung Kakinya

Rasa-rasanya terlalu banyak masa yang terbiar berlalu tanpa kita gunakan untuk mensyukuri nikmat Allah. Kita mungkin mudah mengucapkan terima kasih kepada sahabat handai yang memberikan sesuatu kepada kita. Tetapi adakah kita juga mudah berterima kasih kepada Allah yang telah memberikan pelbagai nikmat kepada kita. Sebagaimana yang kita tahu, nikmat Iman dan Islam merupakan nikmat yang paling tinggi yang kita sewajarnya bersyukur dengan cara menunaikan hak iman dan Islam itu. Alhamdulillah, InsyaaAllah kita daripada kalangan hamba Allah yang bersyukur. Dan sebagaimana yang ada dalam ayat ke-7 Surah Ibrahim, Allah menyebut bahawa sesiapa yang bersyukur dengan nikmatNya, nescaya akan ditambah pemberian Allah SWT kepadanya.

Kita kadangkala susah hendak berterima kasih dengan Allah dengan nikmat yang diberikan seperti nikmat mendengar, melihat, bergerak dan bernafas. Bayangkanlah sekiranya Allah tidak lagi memberi nikmat kepada kita untuk terus bernafas. Amatlah menyedihkan, sudahlah kita tidak pandai bersyukur, malahan kita juga banyak merungut dan *complain* dengan pemberian Allah SWT. Kita merungut kerana tidak puas hati dengan kualiti kasut kita sehinggakan kita lupa bahawa ada orang yang kudung kakinya. Kita tidak bersyukur kerana tidak berusaha menyampaikan dakwah tentang Iman dan Islam yang kita ada sehingga kita lupa ada orang yang dicabut imannya sehingga murtad. Kita memprotes tentang tugas yang banyak di pejabat sedangkan begitu ramai orang di luar sana yang tidak mendapat pekerjaan.

Selain daripada Surah Ibrahim yang disebut tadi, Surah An-Nahl, iaitu surah ke-16 yang mengandungi 128 ayat, mengandungi banyak perbincangan tentang betapa melimpah ruahnya nikmat-nikmat Allah SWT itu. Sebagai contoh:

وَالْأَنْعَامَ خَلَقَهَا لَكُمْ فِيهَا دِفْءٌ وَمَنَافِعُ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ

Dan Dia telah menciptakan binatang ternak untuk kamu; padanya ada (bulu) yang menghangatkan dan berbagai-bagai manfaat, dan sebahagiannya kamu makan. (An-Nahl: 5)



Dan Tuhanmu mewahyukan kepada lebah: "Buatlah sarang-sarang di bukit-bukit, di pohon-pohon kayu, dan di tempat-tempat yang dibikin manusia", (An-Nahl: 68)

Kemudian makanlah dari tiap-tiap (macam) buah-buahan dan tempuhlah jalan Tuhanmu yang telah dimudahkan (bagimu). Dari perut lebah itu ke luar minuman (madu) yang bermacam-macam warnanya, di dalamnya terdapat obat yang menyembuhkan bagi manusia. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda (kebesaran Tuhan) bagi orang-orang yang memikirkan. (An-Nahl:69)

Daripada binatang, Allah telah memberikan pelbagai nikmat, termasuklah kulit. Daripada kulitnyalah yang digunakan untuk membuat kasut kita itu tadi. Kita mungkin merasakan diri kita besar kerana kasut itu kita beli dengan duit kita tetapi kita lupa bahawa diri kita ini pun hak Allah, apatah lagi kasut itu. Kita harus bersyukur kerana kita masih ada kaki.

Allah SWT banyak menceritakan tentang binatang dalam al-Quran dan menurut Ustaz Nouman Ali Khan, apabila Allah memberi contoh seumpama ini, kita bukan sahaja perlu memahami aspek fizikal binatang itu, tetapi dimensi spiritualnya sekali. Binatang-binatang seperti lembu dan kuda dapat taat kepada tuannya, mengapa kita yang diberikan akal tidak dapat bersyukur dan taat kepada Pencipta kita. Kita juga diberikan nikmat Iman kerana telah diberikan petunjuk ke jalan yang lurus.

Dalam Surah an-Nahl ini, Allah ada berfirman:

وَعَلَى اللَّهِ قَصْدُ السَّبِيلِ وَمِنْهَا جَائِرٌ ۚ وَلَوْ شَاءَ لَهَدَاكُمْ أَجْمَعِينَ

Dan hak bagi Allah (menerangkan) jalan yang lurus, dan di antara jalan-jalan ada yang bengkok. Dan jikalau Dia menghendaki, tentulah Dia memimpin kamu semuanya (kepada jalan yang benar). (An-Nahl: 9)

Alhamdulillah, kita telah dipilih oleh Allah untuk tetap di dalam Islam, dan nikmat sebagai seorang muslim ini sewajarnya kita syukuri dan salah satu cara untuk mensyukurinya bukan sahaja setakat mengerjakan ibadah, tetapi juga menyampaikan dakwah kerana tiada lagi Nabi selepas Nabi Muhammad. Kita seharusnya menjaga nikmat Iman dan Islam ini supaya ianya tidak dicabut sehinggakan ada yang di kalangan kita yang meninggalkan siratul mustaqim. Na'uzubillahiminzalik.

Allah SWT juga memberikan pelbagai nikmat sebagaimana yang ada dalam ayat berikut:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً ۖ لَكُمْ مِنْهُ شَرَابٌ وَمِنْهُ شَجَرٌ فِيهِ تُسِيمُونَ

Dialah, Yang telah menurunkan air hujan dari langit untuk kamu, sebahagiannya menjadi minuman dan sebahagiannya (menyuburkan) tumbuh-tumbuhan, yang pada (tempat tumbuhnya) kamu menggembalakan ternakmu. (An-Nahl: 10)

Rata-rata kita bukanlah petani dan gembala, tetapi mendapat rezeki Allah dengan diberikan pekerjaan atau sumber-sumber yang lain. Mengapa kita perlu mengeluh dan tidak bersyukur dengan pekerjaan kita sedangkan kita tahu sangat ramai yang menganggur dan ada juga di kalangan kita yang dibuang kerja?

Nabi Ibrahim AS adalah di antara hamba Allah yang banyak bersyukur semenjak di Iraq (Mesopotamia) di bawah Raja Namrud. Baginda telah diseksa kerana dakwah Islam sehingga pernah dicampak ke dalam api. Baginda pernah diseksa ketika berada di Mesir dan diperintahkan oleh Allah SWT pula untuk menyembelih anaknya Ismail pada usia 85 tahun (baru mendapat anak pertamanya). Kerana Baginda tidak pernah memprotes dan terus berdakwah dan bersyukur dengan nikmat yang telah diberikan kepadanya, semua agama besar pada zaman ini seperti Islam, Kristian

dan Yahudi menghormati dan mengagungkan Baginda. Malah, ada catatan yang menunjukkan pengaruh Baginda juga ada di kawasan Indo-Pakistan, Wallahua'lam.

Kita seolah-olah tidak merasa apa-apa dengan sikap kita yang banyak merungut, tidak bersyukur dan suka memprotes kerana kita terus diberikan nikmat. Gaji dari setahun ke setahun bertambah, harta semakin melimpah ruah, ibadah terus dilakukan termasuk haji dan umrah dan pangkat semakin meningkat. Tetapi mungkin kita lupa tentang apa itu Istidraj, pemberian nikmat Allah kepada manusia yang mana pemberian itu tidak diredhainya. Ayat 55 Surah An-Nahl sebahagian besarnya menerangkan tentang al-Istidraj ini:

لِيَكْفُرُوا بِمَا آتَيْنَاهُمْ فَتَمَتَّعُوا فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ

Biarlah mereka mengingkari nikmat yang telah Kami berikan kepada mereka; maka bersenang-senanglah kamu. Kelak kamu akan mengetahui (akibatnya). (An-Nahl: 55)

Ayat ini memberitahu bahawa amatlah penting bagi kita mensyukuri nikmat Allah itu dengan sentiasa mengingatiNya dengan melakukan perintahNya dan juga menjauhi laranganNya. Adakah memadai bagi kita yang telah diberikan nikmat Iman dan Islam sekadar bersyukur, melakukan yang disuruh dan menjauhi yang dilarang, tanpa mengajak manusia lain melakukan amal dan mencegah kemungkaran?

Nabi Ibrahim telah meninggalkan dua legasi besar iaitu: Bani Israel yang berpusat di Palestin serta Bani Ismail yang bersambung sehingga ke Nabi Muhammad yang berpusat di Hijaz (Mekah dan Madinah)

Kita tahu betapa pentingnya menyampaikan, walaupun satu ayat, dan Surah An-Nahl ayat 125 menerangkan kepada kita betapa tugas dakwah yang ditinggalkan oleh Baginda perlu diteruskan oleh kita.

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۖ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ
هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۖ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk. (An-Nahl: 125)

Daripada ayat ini, ulama membahagikan tiga jenis dakwah bersesuaian dengan kumpulan sasaran. Bagi kumpulan yang *educated* perlulah menggunakan pendekatan hikmah (*wisdom*, falsafah, logik, dll.). Bagi golongan awam, perlulah ditumpukan kepada Mauizah (pelajaran yang baik, nasihat harian). Manakala bagi kumpulan yang mengekalkan status quo seperti ahli politik dan perniagaan, perlulah menggunakan Jidal (membantah atau berhujah dengan cara yang baik).

Kita telah diberikan nikmat Iman dan Islam dan apabila diminta untuk membantu amar makruf nahi mungkar, tidak mampukah kita sekurang-kurangnya berdakwah secara Mauizatul hasanah? Adakah kita pernah mencuba? Mungkin kita berdepan dengan pelbagai masalah untuk terlibat dalam projek amar makruf nahi mungkar, ayat 126 berikut perlulah dijadikan pengajaran:

وَإِنْ عَاقَبْتُمْ فَعَاقِبُوا بِمِثْلِ مَا عُوقِبْتُمْ بِهِ ۖ وَلَئِنْ صَبَرْتُمْ لَهُوَ خَيْرٌ لِلصَّابِرِينَ

Dan jika kamu memberikan balasan, maka balaslah dengan balasan yang sama dengan siksaan yang ditimpakan kepadamu. Akan tetapi jika kamu bersabar, sesungguhnya itulah yang lebih baik bagi orang-orang yang sabar. (An-Nahl: 126)

Ayat di atas lebih menggalakkan kita supaya bersabar setelah kita bersungguh-sungguh berusaha, Wallahua'lam. Kita bukan sahaja diberikan kasut, nikmat iman dan Islam serta sumber rezeki dengan adanya pekerjaan, malahan banyaknya nikmat yang Allah berikan itu tidak terhingga banyaknya.



Kalau sesungguhnya kita orang beriman, janganlah hendaknya kita merungut dengan kerja yang ada. Setidak-tidaknya Allah SWT memberi rezeki melalui pekerjaan kita itu. Bukankah masih ramai orang yang tidak dapat kerja dan ada pula yang dibuang? Banyak-banyaklah kita mensyukuri nikmat Tuhan, bukannya mengkufurinya.

Difahami oleh pakar dalam biologi marin, hanya berapa peratus sahaja hidupan laut yang kita pernah jumpa dan ketahui dan masih banyak lagi nikmat dalam lautan yang kita tidak ketahui. Pendeknya, ayat 18 Surah An-Nahl menerangkan hakikat nikmat-nikmat Allah ini:

وَإِنْ تَعُدُّوا نِعْمَةَ اللَّهِ لَا تُحْصُوهَا إِنَّ اللَّهَ لَغَفُورٌ رَحِيمٌ

Dan jika kamu menghitung-hitung nikmat Allah, niscaya kamu tak dapat menentukan jumlahnya. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. (An-Nahl: 18)

Mudah-mudahan kita mendapat keberkatan daripada sesi tazkirah ini.